JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR

LAPORAN TAHUNAN 2024



ISI KANDUNGAN

PERUTUSAN PENGURUSAN TERTINGGI 2

PERSPEKTIF JABATAN 6

PERUNTUKAN PERLEMBAGAAN, DASAR DAN UNDANG-UNDANG 10

PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN 15

PROFIL PERHUTANAN 54

PETUNJUK PRESTASI JABATAN 61

FAIL MAHKAMAH 87


ARTIKEL 89

PERISTIWA PENTING 104

PENERBITAN 157

LAMPIRAN 161

SIDANG REDAKSI 167



PERUTUSAN PENGURUSAN TERTINGGI

Allah SWT berfirman:

"Dan janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi sesudah Allah menyediakan segala yang membawa kebaikan padanya, dan berdoalah kepada-Nya dengan perasaan bimbang (kalau-kalau tidak diterima) dan juga dengan perasaan terlalu mengharapkan (supaya makbul). Sesungguhnya rahmat Allah itu dekat kepada orang yang memperbaiki amalannya."

Surah al-A'raf (56)





Perutusan
Pengurusan Tertinggi

Bismillahirarrahmanirrahim,
Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera.

Syukur Alhamdulillah, pertamanya marilah kita bersama-sama merafaqkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT atas limpah kurnia dan rahmat-Nya, tahun 2024 telah melabuhkan tirainya dan meninggalkan sejumlah kenangan serta pencapaian bagi sektor perhutanan di Negeri Johor. Dengan ketibaan tahun 2025 ini, maka bermulalah lembaran baru dalam kehidupan kita.

Saya mewakili Pengurusan Tertinggi Jabatan Perhutanan Negeri Johor (JPNJ) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua warga JPNJ atas sumbangan, bantuan, kerjasama dan komitmen tinggi setiap anggota JPNJ sepanjang tahun 2024. Semoga tahun ini dan tahun-tahun yang akan datang bakal memberikan peluang untuk kita lebih berjaya dan cemerlang.

PENCAPAIAN TAHUN 2024

Sepanjang tahun 2024, JPNJ telah berhasil mencapai pelbagai kejayaan dan pengiktifaran melalui pelbagai aktiviti dan program yang dilaksanakan. Bagi meneruskan langkah ke hadapan, suka untuk saya mengimbau kembali prestasi JPNJ di sepanjang tahun 2024, antaranya ialah:

i. Program Penghijauan Malaysia, Kempen Penanaman 100 Juta Pokok “Kelestarian Alam : Tanggungjawab Bersama”;
ii. Program Larian “Trans Mount Lambak Trail 2024 (TMLT 2024) pada 9 Mac 2024;
iii. Majlis Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Tahun 2024 pada 21 Mac 2024 di Sekolah Tinggi Muar;
iv. Panti Bird Race Johor 2024 (PBRJ 2024) pada 27 dan 28 April 2024 di Suaka Burung Panti;
v. Program Trans QJM Gunung Pulai Ultra 2024 di Taman Eko Rimba Gunung Pulai pada 22 Jun 2024;
vi. Lawatan ilmiah ke Kuching, Sarawak telah diadakan pada 23 hingga 27 Jun 2024;
vii. Program Johor Merdeka Hike 2024 (JMH 2024) pada 31 Ogos 2024;
viii. Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan di Hutan Simpan Gunung Arong telah diadakan pada 17 sehingga 21 September 2024 di Hutan Simpan Gunung Arong; dan
ix. Penganjuran program Gunung Arong Challenge 2024 (GAC 2024) pada 23 November 2024 di Taman Eko Rimba Teluk Arong.

Di samping kejayaan penganjuran program aktiviti, JPNJ juga turut menerima pengiktirafan dan kejayaan di atas usaha dan progaram yang dilaksanakan, antaranya ialah:

i. Pencapaian kutipan hasil Jabatan sebanyak RM5,406,071.05 iaitu 72% dari anggaran hasil pada tahun 2024.
ii. Pencapaian prestasi perbelanjaan Jabatan sepanjang tempoh 2024, secara keseluruhannya prestasi belanja

   a. peruntukan mengurus 97.91% dengan perbelanjaan RM22,912,922.06 daripada jumlah peruntukan yang diterima sebanyak RM23,402,000.00;
   b. peruntukan pembangunan P71 (Alam Sekitar) mencapai 97% dengan perbelanjaan RM1,599,664.30 daripada jumlah peruntukan RM1,650,000.00;
   c. peruntukan pembangunan P71 (Alam Sekitar) mencapai 97% dengan perbelanjaan RM1,599,664.30 daripada jumlah peruntukan RM1,650,000.00;
   d. peruntukan pembangunan P71 (Pelancongan) 81% dengan perbelanjaan RM1,009,274.50 daripada jumlah peruntukan RM 1,120,000.00; dan
   e. d)peruntukan KWPH yang diluluskan RM1,530,000.00 melibatkan perbelanjaan sebanyak 93.6% dengan jumlah RM1,432,369.64.

iii. Pengekalan pengurusan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Hutan dengan Jabatan telah mencatatkan tiga (3) tahun berturut iaitu 2021, 2022 & 2023 menerima Sijil Bersih tanpa teguran dari Jabatan Akauntan Negara (JAN) Johor. Jabatan ini juga akan terus mengekalkan reputasi yg baik ini demi kejayaan bersama.
iv. Pengekalan Sijil Pengurusan Hutan Secara Berkekalan di bawah standard MC&I SFM dengan hanya dikenakan Ketidakakuran (NCR) atau “1 MINOR CAR” dan berharap agar tidak dikenakan sebarang Ketidakakuran yang MAJOR dalam perlaksanaan audit recertification pada tahun 2025.
v. Taman Eko Rimba Gunung Belumut menerima saguhati Anugerah MyParks Award 2023 pada 29 November 2024 Anugerah ini bertujuan untuk mengiktiraf dan mempromosi kawasan-kawasan rekreasi dan taman-taman di Malaysia yang mengamalkan pengurusan taman secara lestari.
vi. Perluncuran Buku Pelan Anti Rasuah Organisasi Jabatan Perhutanan Negeri Johor 2024 hingga 2028 yang telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Ashari bin Haji vi.Kasnan, Timbalan Setiausaha Kerajaan Johor (Pembangunan) yang disaksikan bersama TPj Dato' Haji Azmi Haji Alias, Pengarah SPRM Negeri Johor berlangsung pada 2 Julai 2024 bertempat di Holiday Villa, Johor Bahru.

Perutusan
Pengurusan Tertinggi

Pencapaian yang telah diperolehi JPNJ sepanjang tahun 2024 adalah hasil kerjasama dan komitmen yang tinggi semua warga JPNJ. Rasa bangga di atas pencapaian namun, adalah menjadi satu keperluan untuk pencapaian ini diteruskan dan diuji secara kolaboratif bersama-sama dengan pihak-pihak berkepentingan.

HARAPAN

Dalam memastikan penyampaian perkhidmatan sentiasa mencapai kehendak masyarakat dan pemegang taruh, adalah penting untuk seluruh warga Jabatan sentiasa mempunyai 'urgency' dan 'responsive' dalam setiap tugasan. Saya berharap momentum kesegeraan ini diteruskan dan diperhebatkan lagi oleh setiap lapisan warga Jabatan.

Walau bagaimanapun, dalam memenuhi kehendak 'urgency' dan 'responsive' dalam melaksanakan tugas, kita tidak seharusnya membelakangkan "Integriti". Banyak yang diperkatakan mengenai isu kebertanggungjawaban dan integriti, terutamanya dalam kalangan penjawat awam.

Isu penyalahgunaan kuasa, pembaziran, pecah amanah, rasuah dan penyelewangan serta ketirisan dana awam, walaupun dilaksanakan oleh segelintir penjawat awam namun, tempiasnya tetap terkena (dirasai) oleh keseluruhan sektor Kerajaan.Integriti secara umumnya adalah kualiti unggul yang perlu ada pada diri seorang individu dan organisasi. Integriti penjawat awam memerlukan mereka bertindak jujur dan amanah mengikut bidang kuasa dan tugasnya, telus, tiada konflik peribadi, berwibawa, akauntabiliti serta patuh kepada peraturan dan undang-undang.

Kepentingan meletakkan budaya integriti di tahap tertinggi bukan sesuatu yang baru. Ia menjadi keutamaan dalam hidup kita sepanjang masa. Sehubungan itu, marilah sama-sama kita memastikan segala amanah dilaksanakan dengan sebaiknya supaya tahap kepercayaan rakyat terhadap penjawat awam tidak terjejas sehingga boleh mengganggu kestabilan, keselamatan dan keharmonian negara.

Saya memetik Firman Allah SWT dalam surah Ar-Rad ayat 11 yang bermaksud: "Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah nasib suatu kaum kecuali kaum itu sendiri yang mengubah apa apa yang pada diri mereka".

Akhir kata, adalah menjadi harapan dan hasrat agar Jabatan akan terus meningkatkan kecemerlangan dalam apa jua program dan aktiviti yang dilaksanakan bagi memastikan Jabatan Perhutanan Negeri Johor terus relevan, cemerlang dan menjadi pemacu perubahan dalam perkhidmatan awam dan pembangunan negeri dan negara.

Kepada warga JPN Johor yang dikasihi sekalian, saya memohon dan merayu, sama-samalah kita berganding bahu dan mengembleng tenaga dengan semangat kebersamaan atau spirit of togetherness untuk mencorakkan masa depan Jabatan yang lebih gemilang.

Di samping itu, saya juga menyeru agar semua kakitangan menunjukkan contoh yang baik, kembalikan era kepimpinan melalui teladan dan berusahalah meningkatkan nilai-nilai murni dalam perkhidmatan awam. Siapa lagi yang boleh kita harapkan untuk terus menjaga sumber hutan di negara ini selain daripada kita sendiri.

Hutan adalah anugerah Allah SWT, suatu amanah yang perlu kita jaga dan urus dengan sebaik yang mungkin. Moga Allah berkati atas segala usaha kita dengan limpah rahmat dan kasih sayang Nya, Insya-Allah.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamuaalaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.




MOHD SYAHRIR AZRIN BIN SALLEH
Timbalan Pengarah Perhutanan (Pembangunan)
b.p Pengarah Perhutanan Negeri, Johor.

PERSPEKTIF JABATAN

"Persediaan Strategi Menentukan Kejayaan."

- Tun Dr. Mahathir Mohamad





PERSPEKTIF JABATAN

PENDAHULUAN

Hutan hujan tropika di Malaysia adalah salah satu daripada hutan yang tertua di dunia. Di samping menjadi komponen penting dalam sistem biofizikal negara, hutan membekalkan bahan mentah daripada kayu dan memainkan peranan dalam aspek perlindungan dan kestabilan alam sekitar bagi menjamin sumber air bersih, mencegah hakisan tanah dan nutrien serta memelihara kepelbagaian hayat. Justeru itu, sumber hutan yang masih wujud perlu dirancang, diurus, dipelihara dan dibangunkan secara mapan, sistematik dan berkesan supaya segala hasil dan perkhidmatannya dapat dinikmati secara berterusan.

Perkembangan pesat arus pembangunan negara telah menarik perhatian pelbagai pihak terhadap kepentingan pemeliharaan hutan. Kesedaran masyarakat terhadap kepentingan hutan dan kaitannya dengan pemeliharaan alam sekitar juga turut meningkat. Perkara ini menimbulkan minat pihak-pihak tertentu untuk terlibat dalam memelihara dan mengekalkan sumber-sumber hutan. Justeru itu, Jabatan Perhutanan Negeri Johor telah dipertanggungjawabkan untuk mentadbir dan menguruskan sumber hutan supaya terus terpelihara dan berkekalan.

FUNGSI JABATAN

- menasihat Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri Johor dalam pentadbiran sumber hutan bagi menghasilkan pendapatan yang optimum;
- bertindak sebagai agensi pelaksana dasar-dasar dan penguatkuasaan undang-undang perhutanan;
- menguruskan sumber hutan berdasarkan konsep pengurusan hutan secara berkekalan (PHSB);
- menasihat Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri Johor dalam pelaksanaan dasar-dasar berkaitan eko-pelancongan dan pengurusan Hutan Lipur / Taman Eko-rimba dan Hutan Taman Negeri; dan
- mengurus ladang hutan bagi meningkatkan sumber bekalan kayu dan bekalan bukan kayu.

VISI

Menjadi sebuah agensi terunggul dalam pengurusan hutan tropika secara berkekalan.

MISI

Untuk mengurus dan membangunkan sumber hutan secara berkekalan serta mengoptimumkan sumbangannya kepada pembangunan sosioekonomi negara.

PERSPEKTIF JABATAN

OBJEKTIF

- Untuk menguruskan sumber hutan negara secara berkekalan bagi pengeluaran berterusan hasil dan perkhidmatan hutan serta penggunaannya secara optimum bersesuaian dengan keperluan alam sekitar;
- Untuk meningkatkan bekalan pengeluaran hasil dan perkhidmatan hutan melalui aktiviti-aktiviti perhutanan bersesuaian yang akan meningkatkan kualiti, produktiviti serta penggunaan sumber hutan;
- Untuk terus membangunkan teknologi mantap yang bersesuaian dengan keperluan alam sekitar bagi pemeliharaan, pengurusan dan penggunaan sumber hutan;
- Untuk memelihara dan melindungi kepelbagaian biologi hutan, air dan tanah, serta penggunaannya secara berkekalan;
- Untuk meningkatkan kualiti dan kecekapan kilang-kilang pemprosesan berasaskan keluaran hutan serta menambahkan aktiviti-aktiviti hiliran dengan nilai tambah yang tinggi;
- Untuk memperkukuhkan pembangunan sumber manusia bagi menyokong sector perhutanan;
- Untuk meningkatkan kesedaran awam berhubung peranan hutan terhadap alam sekita dan pemeliharaan melalui pembelajaran serta penyebaran maklumat; dan
- Untuk meningkatkan sumbangan sektor perhutanan kepada pendapatan negara, pertukaran wang asing dan peluang-peluang pekerjaan.

PIAGAM PELANGGAN

1. Lesen untuk mengeluarkan hasil hutan akan dikeluarkan dalam tempoh tidak melebihi enam (6) bulan dari tarikh kelulusan diberi, setelah semua syarat kelulusan dipatuhi

2. Lesen untuk menjalankan kilang berasaskan kayu akan dikeluarkan dalam tempoh tidak melebihi satu (1) bulan dari tarikh siap kilang dibina setelah memenuhi semua syarat kelulusan.

3. Keputusan mengenai permohonan melanjutkan tempoh lesen mengeluarkan hasil hutan atau lesen menjalankan kilang berasaskan kayu akan diberi dalam tempoh tidak melebihi satu (1) bulan dari tarikh permohonan diterima.

4. Semua aduan kesalahan hutan akan diambil tindakan dalam masa tidak melebihi tiga (3) hari.

PERUNTUKAN PERLEMBAGAAN, DASAR & UNDANG-UNDANG



Firman Allah SWT :

"Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan lautan dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian daripada balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat)."

Surah al-Rum (41)




PENDAHULUAN

Di bawah Perkara 74 (2) Perlembagaan Malaysia yang dibaca bersama Senarai II dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan tanah termasuk hutan berada dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri. Mengikut peruntukan ini, badan perundangan sesebuah negeri boleh membuat dan menerima pakai sesuatu undang-undang dan peraturan bagi mentadbir dan menguruskan hal-hal perhutanan di dalam negeri berkenaan. Dengan itu, Kerajaan Negeri mempunyai kuasa mutlak untuk membentuk atau menerima sesuatu undang-undang atau peraturan bagi mentadbir, mengurus dan membangunkan sumber hutan. Kerajaan Persekutuan hanya berperanan memberi khidmat nasihat dan bantuan teknikal kepada pihak Kerajaan Negeri, menyelenggara stesen-stesen percubaan dan demonstrasi, memberi latihan serta menjalankan penyelidikan.

Bagi memudahkan penyeragaman bidang perhutanan antara negeri-negeri di Malaysia, Majlis Perhutanan Negara (MPN) telah ditubuhkan pada 20 Disember 1971 oleh Majlis Tanah Negara (MTN). MTN diberi kuasa di bawah Perlembagaan Malaysia untuk menggubal dasar kebangsaan bagi memaju dan mengawal penggunaan tanah untuk perlombongan, pertanian dan perhutanan. Berdasarkan kepada Perkara 91 (5) Perlembagaan Malaysia, MTN berfungsi membentuk suatu Dasar Kerajaan untuk memaju dan mengawal penggunaan tanah di seluruh negara bagi aktiviti perlombongan, pertanian, perhutanan dan lain-lain serta mentadbir mana-mana undang-undang yang berhubungan dengannya. dan pengurusan. Semua keputusan MPN perlulah disahkan oleh MTN sebelum menjadi Dasar Kerajaan. Tanggungjawab untuk melaksanakan keputusan MPN.

DASAR PERHUTANAN MALAYSIA



Malaysia merupakan sebuah negara tropika yang meliputi kawasan seluas kira-kira 33 juta hektar, yang terdiri dari tiga wilayah; Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Malaysia mengiktiraf sumber hutan semula jadi sebagai sumber yang penting dan berharga dalam menyumbang kepada sosioekonomi negara dan kesejahteraan alam sekitar. Sehingga kini, kita masih mengekalkan komitmen yang dibuat semasa Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro, Brazil pada tahun 1992, untuk mengekalkan sekurangkurangnya 50% daripada keluasan tanah negara sebagai hutan dan litupan pokok. Ini termasuk hutan simpanan kekal/ hutan simpan/ hutan kekal/ hutan tanah kerajaan dan kawasan-kawasan perlindungan. Dasar Perhutanan Malaysia (DPM) telah digubal dengan mengambil kira aspek utama ketiga-tiga polisi perhutanan Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Kenyataan, Rasional dan Objektif Dasar dalam DPM adalah bersifat umum dan menjadi rujukan serta panduan bagi ketiga-tiga wilayah dalam menggubal dasar dan strategi di wilayah masing-masing. Penggubalan DPM hasil rundingan dan konsultasi ketiga-tiga wilayah iaitu Semenanjung, Sabah dan Sarawak sejak tahun 2016. Penilaian dan semakan semula dasar perhutanan serta perundangan akan dibuat dari semasa ke semasa untuk memastikan bahawa undang-undang dan dasar-dasar adalah selaras dengan perkembangan terkini dalam pengurusan hutan di peringkat nasional dan antarabangsa. Ketiga-tiga dasar perhutanan wilayah iaitu Dasar Hutan Sabah 2018, Sarawak Forest Policy 2019 dan Dasar Perhutanan Semenanjung Malaysia (DPSM) yang memberi tumpuan kepada pengukuhan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan akan menjadi sebahagian daripada DPM 2020.

DASAR PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Dasar Perhutanan Semenanjung Malaysia (DPSM) bertujuan membantu pihak kerajaan, badan bukan kerajaan, akademik, institusi penyelidikan, sektor swasta dan masyarakat dalam merealisasikan strategik yang dirangka bagi mencapai setiap objektif DPSM kepada pelan tindakan. Strategi dan pelan tindakan telah dirangka bagi menangani masalah dan perkara berkaitan dengan pentadbiran, pengurusan dan pembangunan sumber hutan pada masa kini. Penekanan adalah untuk menstruktur program kerja yang akan memperkasa tadbir urus sedia ada, menangani jurang dan kekangan yang wujud. Pengurusan sumber hutan akan dijadikan keutamaan dengan memberi penekanan kepada keseragaman perundangan, garis panduan dan prosedur operasi standard yang mengawal piawaian dan amalan serta memperkukuh dan menambah baik pengetahuan dan teknologi sedia ada.

Penggubalan DPSM merangkumi aspek-aspek pengurusan hutan secara berkekalan, pemuliharaan dan perlindungan kepelbagaian biologi dan perkhidmatan ekosistem hutan, mitigasi dan adaptasi kesan perubahan iklim, memperkasa penyelidikan dan pembangunan serta perkongsian maklumat.

MTN bersetuju dengan DPSM bagi menggantikan Dasar Perhutanan Negara 1978 (Pindaan 1992) yang terpakai di Semenanjung Malaysia.

UNDANG-UNDANG

Enakmen Perhutanan Negara (Pemakaian) 1985

Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313) adalah suatu Undang-undang yang diperbuat di bawah perenggan (b) Fasal (1) Perkara 76 Perlembagaan Persekutuan bagi maksud menentukan persamaan undang-undang bagi Negeri di Malaysia berkenaan pentadbiran, pengurusan dan pemuliharaan hutan dan pembangunan perhutanan di Malaysia. Akta ini digubal bertujuan untuk memastikan pelaksanaan dan pencapaian objektif-objektif yang telah digariskan dalam Dasar Perhutanan Negara. Bagi Negeri Johor, ia dikenali sebagai Enakmen Perhutanan Negara (Pemakaian) 1985 (Enakmen No. 12 Tahun 1985).

Enakmen Industri Berasas Kayu 1984

Enakmen Industri Berasas Kayu 1987 adalah suatu Enakmen yang digubal berdasarkan kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta Industri Berasas Kayu Perundangan Negeri 1984 yang memberi kuasa kepada Badan Perundangan Negeri meluluskan undang-undang berkenaan penubuhan dan pengendalian industri berasas kayu. Enakmen ini telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri pada 25 Mac 1986 sebagai Enakmen Industri Berasas Kayu 1986 dan telah diwartakan pada 26 Mei 1986 (Enakmen No. 3 Tahun 1986).

Kaedah-Kaedah Hutan 1987

Kaedah ini digubal sebagai panduan dan prosedur pelaksanaan Akta Perhutanan Negara (APN) di mana ia berpandukan Seksyen 111 APN 1984 (Pindaan 1993). Kaedah ini telah diwartakan pada 17 Disember 1987 dan mula berkuatkuasa pada 1 Januari 1988.

Kaedah-Kaedah Industri Berasas Kayu 1987

Kaedah-Kaedah Industri Berasas Kayu 1990 adalah suatu kaedah yang digubal berdasarkan kuasa yang diperuntukkan di bawah seksyen 28 Enakmen Industri Berasas Kayu 1987. Kaedah- kaedah ini digubal sebagai panduan dan prosedur pelaksanaan Akta Industri Berasaskan Kayu 1984 dan berkuatkuasa pada 1 September 1987.

Dasar/Undang-undang/Dokumen Yang Berkaitan

Dasar/Undang-undang/Dokumen Yang Berkaitan

1. Akta Orang Asli 1954 termasuk keputusan-keputusan Mahkamah Sivil yang berkaitan
2. Akta Akses kepada Sumber Biologi dan Perkongsian Faedah 2017
3. Akta Biokeselamatan 2007
4. Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, 1991
5. Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969
   - Peraturan-Peraturan (Am) Keselamatan Sosial Pekerja, 1971
6. Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974
   - Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti yang Ditetapkan)(Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling) 2015
   - Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan)(Kemudahan Pengolahan Dan Pelupusan Buangan Terjadual) 1989
   - Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005
7. Perlembagaan Persekutuan
8. Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999
9. Akta Imigresen 1959/63
10. Akta Perhubungan Perusahaan, 1967
11. Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam, 2008
12. Akta Pemuliharaan Tanah, 1960
13. Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009
14. Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011
15. Akta Umur Persaraan Minimum 2012
16. Akta Perhutanan Negara 1984
17. Kanun Tanah Negara 1965
18. Akta Perundingan Gaji Negara 2011
    - Perintah Gaji Minimum 2016
19. Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994
20. Akta Racun Makhluk Perosak 1974
21. Akta Kuarantin Tumbuhan 1976
22. Akta Kesatuan Sekerja, 1959
23. Akta Air 1920
24. Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010
25. Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010
26. Akta Pampasan Pekerja 1952
27. Enakmen Perbadanan Taman Negara Johor, 1989
28. Enakmen Perbadanan Taman Negeri Perak, 2001
29. Enakmen Perbadanan Taman Negeri Selangor, 2005
30. Enakmen-enakmen negeri berkaitan dengan perlindungan hidupan liar
31. Enakmen-enakmen Perhutanan Negeri
32. Kaedah-kaedah Hutan Negeri
33. Rancangan Struktur Negeri
34. Enakmen Taman Negara (Kelantan) 1939
35. Enakmen Taman Negara (Pahang) 1939
36. Enakmen Taman Negara (Terengganu) 1939
37. Enakmen Taman Negeri Terengganu 2017
38. Kod Kelakuan bagi Keharmonian Perusahaan, 1975
39. Manual Perhutanan 2003
40. Pelan Tindakan Tanah Gambut Kebangsaan
41. Pelan Tindakan Konservasi Gajah Kebangsaan
42. Dasar Perhutanan Negara, 1978 (Pindaan 1992)
43. Rancangan Fizikal Negara-3, 2015
44. Central Forest Spine Master Plan
45. Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan, 2016-2025
46. Dasar Perubahan Iklim Negara, 2009
47. Dasar Alam Sekitar Negara, 2002
48. Pelan Tindakan Pemuliharaan Harimau Kebangsaan, 2008-2020
49. Dasar Sumber Air Negara, 2012
50. Enakmen-enakmen Hutan Negeri


Sekiranya berkaitan, peruntukan-peruntukan berkenaan pengurusan hutan seperti di dalam perjanjian-perjanjian antarabangsa berikut adalah dipatuhi dalam pengurusan hutan:

1. Perjanjian ASEAN mengenai Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan, 2002
2. Konvensyen Perlindungan Warisan Budaya dan Alam Semula Jadi Dunia, 1972
3. Konvensyen Antarabangsa berkenaan dengan Perdagangan Spesies Flora dan Fauna yang Terancam,1973
4. Konvensyen Tanah Lembap yang mempunyai Kepentingan Antarabangsa Khususnya sebagai Habitat Burung Air, 1971.
5. International Labour Organisation (ILO) Conventions
   i) Convention No. 29 – Forced Labour Convention, 1930
   ii) Convention No. 87 – Freedom of Association and Protection of the Right to Organise Convention, 1948
   iii) Convention No. 98 – Right to Organise and Collective Bargaining Convention, 1949
   iv) Convention No.100 – Equal Remuneration Convention, 1951
   v) Convention No.105 – Abolition of Forced Labour Convention, 1957
   vi) Convention No.111 – Discrimination (Employment and Occupation) Convention, 1958
   vii) Convention No.131 – Minimum Wage Fixing Convention,1970
   viii) Convention No.138 – Minimum Age Convention, 1973
   ix) Convention No.169 – Indigenous and Tribal Peoples Convention,1989
   x) Convention No.182 – Worst Forms of Child Labour Convention, 1999
6. Perjanjian Kayu-Kayan Tropika Antarabangsa, 1994
7. Konvensyen Stockholm Tentang Pencemar Organik, 2001
8. Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat, 1948
9. Konvensyen Kepelbagaian Biologi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, 1992
   i) Protokol Cartagena berkenaan dengan Bio-Keselamatan ke atas Konvensyen Kepelbagaian Biologi, 2000
   ii) Nagoya Protocol on Access to Genetic Resources and the Fair and Equitable Sharing of Benefits Arising from their Utilisation (ABS) to the Convention on Biological Diversity, 2010
10. Deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu terhadap Hak Orang Asal, 2007
11. Rangka Kerja Konvensyen Perubahan Cuaca Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, 1992
12. Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

"Bekerjalah dari hati dan penuh hati-hati."

- YB Dato' Haji Azmi bin Rohani



PENGENALAN

Organisasi Jabatan Perhutanan telah bermula dengan penubuhan sebuah Jabatan Hutan kecil di Negeri-negeri Selat (Pulau Pinang, Melaka dan Singapura) di bawah pentadbiran Pejabat Tanah pada awal tahun 1880-an. Organisasi ini kemudiannya berkembang dengan penubuhan Jabatan-jabatan Hutan di Negeri-negeri Melayu Bersekutu (Pahang, Negeri Sembilan, Perak dan Selangor) dan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu (Kedah, Johor, Kelantan, Terengganu dan Perlis).

Rekod perhutanan yang terawal di Semenanjung Tanah Melayu adalah sebuah laporan bertarikh 21 Jun 1879 yang disediakan oleh Major McNair, Jurutera Kolonial dan Ketua Jurukur Negeri-negeri Selat. Laporan tersebut mengandungi keterangan mengenai pokok-pokok kayu terkemuka di Semenanjung Tanah Melayu dan cadangan pembentukan Jabatan Hutan di bawah pentadbiran Pejabat Tanah ekoran masalah penerokaan hutan yang tidak terkawal.

Pada tahun 1883, cadangan organisasi Jabatan Perhutanan yang teratur telah dikemukakan oleh N. Cantley, Penguasa Taman Botani Singapura melalui sebuah laporan mengenai pengurusan hutan di Negeri-negeri Selat. Sehingga tahun 1895, pentadbiran hutan Negeri-negeri Selat diletakkan di bawah kendalian Taman Botani Singapura.

Pada tahun 1896, H.N. Ridley mengemukakan laporan mengenai kawasan hutan di Negeri Selangor dan mencadangkan supaya organisasi Jabatan Perhutanan yang teratur ditubuhkan untuk empat (4) buah Negeri Melayu Bersekutu dengan diketuai oleh seorang pegawai British dari India. Cadangan tidak berjaya dilaksanakan.

Pada tahun 1900, H.C. Hill mengemukakan laporan bertajuk Report on the present system of administration in the Federated Malay States. Laporan tersebut mencadangkan keperluan penyediaan sistem pengurusan hutan dan hasilnya jawatan Ketua Pegawai Hutan (kemudian dikenali sebagai Pemelihara Hutan) bagi Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu bagi menasihati Kerajaan Negeri dalam perkara-perkara teknikal berkaitan perhutanan dan urusan pengambilan tanah. Walau bagaimanapun, jawatan tersebut tidak mempunyai bidang kuasa di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu. Pada 16 Oktober 1901, barulah Jabatan Hutan bagi Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-negeri Selat ditubuhkan mengikut model pentadbiran hutan India dengan melantik A.M. Burn-Murdoch dari Burma sebagai Ketua Pegawai Hutan yang pertama. Setiap Negeri Melayu Bersekutu ditempatkan seorang Timbalan Pemelihara Hutan manakala bagi Negeri Pulau Pinang dan Melaka, ditempatkan seorang pegawai rendah.

Pada tahun 1920, seorang pegawai hutan Negeri-negeri Melayu Bersekutu telah dipinjamkan ke Negeri Johor sebagai Pemelihara Hutan yang pertama. Pembentukan Kerajaan Pusat dan Kerajaan-kerajaan Negeri selepas Persekutuan Tanah Melayu pada 1 Februari 1948 telah membuka ruang ke arah usaha pengorganisasian Jabatan Perhutanan yang lebih tersusun melibatkan pembahagian dua (2) peringkat pentadbiran iaitu Ibu Pejabat Perhutanan di peringkat persekutuan dan Jabatan-jabatan Perhutanan Negeri.

Kini Jabatan Perhutanan Negeri Johor (JPNJ) merupakan salah sebuah daripada 12 buah Jabatan Perhutanan Negeri di bawah seliaan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) yang bertanggungjawab kepada Kementerian Air, Tanah dan Alam Sekitar (KETSA) bagi perancangan, pengurusan, pembangunan dan perlindungan sumber hutan Negeri Johor agar selaras dengan Dasar Perhutanan Malaysia 2020 dan Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313). Jabatan ini juga bertanggungjawab dalam menyelaras perancangan dan pembangunan industri berasas kayu.

CARTA ORGANISASI

PENGARAH PERHUTANAN NEGERI JOHOR
PEMELIHARA HUTAN G54

BAHAGIAN PEMBANGUNAN HUTAN
PEMELIHARA HUTAN GRED G52

- **SEKSYEN PERANCANGAN DAN PENGURUSAN**
  PEMELIHARA HUTAN GRED G44
- **SEKSYEN SILVIKULTUR DAN PERLINDUNGAN**
  PEMELIHARA HUTAN GRED G44
- **SEKSYEN HUTAN LIPUR DAN HUTAN TAMAN NEGERI**
  PEMELIHARA HUTAN GRED G41

BAHAGIAN OPERASI HUTAN
PEMELIHARA HUTAN GRED G48

- **SEKSYEN PERINDUSTRIAN DAN PENGUSAHASILAN**
  PEMELIHARA HUTAN GRED G41/G44
- **SEKSYEN PENGUATKUASAAN DAN SIASATAN**
  PEMELIHARA HUTAN GRED G41/G44 (JIP)
- **SEKSYEN RISIKAN DAN PENGUATKUASAAN**
  PEMELIHARA HUTAN GRED G41
- **SEKSYEN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN**
  PEGAWAI TADBIR GRED N41

PEJABAT-PEJABAT HUTAN DAERAH

JOHOR SELATAN	JOHOR TENGAH	JOHOR UTARA	JOHOR TIMUR
PEMELIHARA HUTAN GRED G41/44	PEMELIHARA HUTAN GRED G41/44	PEMELIHARA HUTAN GRED G41/44	PEMELIHARA HUTAN GRED G41/44
PEN. PEMELIHARA HUTAN GRED G32	PEN. PEMELIHARA HUTAN GRED G32	PEN. PEMELIHARA HUTAN GRED G32	PEN. PEMELIHARA HUTAN GRED G32
RENJ HUTAN GELANG PATAH/BENUT PEN. PEMELIHARA HUTAN/ RENJER HUTAN GRED G29/30	**RENJ HUTAN SEMBRONG** PEN. PEMELIHARA HUTAN/ RENJER HUTAN GRED G29/30	**RENJ HUTAN SEGAMAT** PEN. PEMELIHARA HUTAN/ RENJER HUTAN GRED G29/30	**RENJ HUTAN MERSING** PEN. PEMELIHARA HUTAN/ RENJER HUTAN GRED G29/30
RENJ HUTAN JOHOR BAHRU/ KONG KONG PEN. PEMELIHARA HUTAN/ RENJER HUTAN GRED G29/30	**RENJ HUTAN MADEK** PEN. PEMELIHARA HUTAN/ RENJER HUTAN GRED G29/30	**RENJ HUTAN LABIS** PEN. PEMELIHARA HUTAN/ RENJER HUTAN GRED G29/30	**RENJ HUTAN LENGGOR/ TENGGAROH** PEN. PEMELIHARA HUTAN/ RENJER HUTAN GRED G29/30
RENJ HUTAN KULAI PEN. PEMELIHARA HUTAN/ RENJER HUTAN GRED G29/30	**RENJ HUTAN YONG PENG/ BATU PAHAT/BEKOK** PEN. PEMELIHARA HUTAN/ RENJER HUTAN GRED G29/30	**RENJ HUTAN MUAR/TANGKAK** PEN. PEMELIHARA HUTAN/ RENJER HUTAN GRED G29/30	**RENJ HUTAN ENDAU** PEN. PEMELIHARA HUTAN/ RENJER HUTAN GRED G29/30
RENJ HUTAN KOTA TINGGI/ULU SEDILI PEN. PEMELIHARA HUTAN/RENJER HUTAN GRED G29/30			**RENJ HUTAN EMAS** PEN. PEMELIHARA HUTAN/ RENJER HUTAN GRED G29/30

Carta organisasi di atas menunjukkan carta organisasi Jabatan Perhutanan Negeri Johor (JPNJ) pada tahun 2024. Organisasi JPNJ terbahagi kepada dua (2) bahagian iaitu Bahagian Pembangunan dan Bahagian Operasi diketuai oleh dua (2) orang Timbalan Pengarah Perhutanan iaitu Timbalan Pengarah Perhutanan (Pembangunan) Gred G52 dan Timbalan Pengarah Perhutanan (Operasi) Gred G48.

Selain itu, terdapat empat (4) daerah hutan yang diketuai oleh Pegawai Hutan Daerah Gred G41/44 bagi memastikan pentadbiran hutan yang lebih cekap dan berkesan.
Pada akhir tahun 2024, bilangan warga kerja JPNJ adalah seramai 308 orang (11 orang pegawai dari kumpulan pengurusan dan profesional dan 297 orang kakitangan dari kumpulan sokongan).

PENGURUSAN TERTINGGI

Pegawai pengurusan tertinggi terdiri daripada seorang Pengarah Perhutanan Negeri dan dua (2) orang Timbalan Pengarah Perhutanan Negeri. Pihak pengurusan tertinggi bertanggungjawab terhadap pelaksanaan dasar, strategi dan objektif jabatan serta menyelaras kerja-kerja pentadbiran, pengurusan, pembangunan, penguatkuasaan, pemeliharaan dan pemuliharaan sumber hutan selaras dengan keperluan Negeri Johor. Timbalan Pengarah Perhutanan (Pembangunan) mengetuai Bahagian Pembangunan manakala Timbalan Pengarah Perhutanan (Operasi) mengetuai Bahagian Operasi.



PENGARAH PERHUTANAN NEGERI JOHOR

DATO' HAJI SALIM BIN AMAN
PEMELIHARA HUTAN GRED G54
1 JUN 2020 – 11 JULAI 2024
(BERSARA)

PENGURUSAN TERTINGGI



TIMBALAN PENGARAH PERHUTANAN
(BAHAGIAN PEMBANGUNAN HUTAN)
ENCIK MOHD SYAHRIR AZRIN BIN SALLEH
PEMELIHARA HUTAN GRED G52
15 MEI 2024 - KINI

TIMBALAN PENGARAH PERHUTANAN
(BAHAGIAN PEMBANGUNAN HUTAN)
ENCIK ABD RAMLIZAUYAHHUDIN BIN MAHLI
PEMELIHARA HUTAN GRED G52
1 MAC 2020 – 1 MEI 2024 (BERTUKAR)



TIMBALAN PENGARAH PERHUTANAN
(BAHAGIAN OPERASI HUTAN)
ENCIK MOHD IZANI BIN ABDULLAH
PEMELIHARA HUTAN GRED G48
1 JUN 2024 - KINI



TIMBALAN PENGARAH PERHUTANAN
(BAHAGIAN OPERASI HUTAN)
TUAN HJ ZULFAKAR BIN ALI
PEMELIHARA HUTAN GRED G48
1 JANUARI 2021 – 7 MEI 2024 (BERSARA)

PENOLONG PENGARAH
BAHAGIAN PEMBANGUNAN HUTAN



SEKSYEN PERANCANGAN DAN PENGURUSAN HUTAN

ENCIK MOHD FARIZ BIN ABD RHANI
PEMELIHARA HUTAN GRED G44
1 SEPTEMBER 2024 – KINI



PUAN NURUL HIDAYAH BINTI HADZUHA
PEMELIHARA HUTAN GRED G44
1 MAC 2019 – 1 SEPTEMBER 2024
(BERTUKAR)



SEKSYEN SILVIKULTUR DAN PERLINDUNGAN HUTAN

PUAN NORLIZA BINTI MD
PEMELIHARA HUTAN GRED G44



SEKSYEN HUTAN LIPUR DAN HUTAN TAMAN NEGERI

PUAN ASFAEZZAH BINTI AB KARIM
PEMELIHARA HUTAN GRED G41

PENOLONG PENGARAH BAHAGIAN OPERASI HUTAN



SEKSYEN PERINDUSTRIAN DAN PENGUSAHASILAN

PUAN NOOR AIN BINTI ABD KARIM
PEMELIHARA HUTAN GRED G41/G44



SEKSYEN RISIKAN DAN PENGUATKUASAAN

ENCIK SYLVESTER USAH
PEMELIHARA HUTAN GRED G41



SEKSYEN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

ENCIK FAHMI REZA BIN MUHAMAD FUAD
PEGAWAI TADBIR GRED N41
2 JANUARI 2022 – 24 OKTOBER 2024
(BERTUKAR)

PEGAWAI HUTAN DAERAH



PEJABAT HUTAN DAERAH
JOHOR SELATAN

ENCIK AHMAD MEISERY BIN ABD HAKIM AMIR
PEMELIHARA HUTAN GRED G41



PEJABAT HUTAN DAERAH
JOHOR TENGAH

ENCIK ARIFHADI BIN JOHARI AFFANDI
PEMELIHARA HUTAN GRED G41



ENCIK RAZIS BIN OSMAN
PEMELIHARA HUTAN GRED G41
1 FEBRUARI 2020 – 24 OKTOBER 2024
(BERTUKAR)



PEJABAT HUTAN DAERAH
JOHOR UTARA

ENCIK HARIDYN BIN HANTI
PEMELIHARA HUTAN GRED G41



PEJABAT HUTAN DAERAH
JOHOR TIMUR

ENCIK MOHD REYDZUAN BIN YONG
PEMELIHARA HUTAN GRED G41



ENCIK SAMAN BIN MOHD SANGET
PEMELIHARA HUTAN GRED G41
1 APRIL 2019 – 24 OKTOBER 2024
(BERTUKAR)

Bahagian Pembangunan Hutan

Bahagian ini bertanggungjawab terhadap perancangan dan pelaksanaan projek-projek pengurusan sumber hutan, pembangunan sumber hutan, pemeliharaan sumber hutan, pengurusan tapak semaian, ekopelancogan, perladangan hutan serta pengembangan perhutanan.



Barisan Hadapan Dari Kiri: Puan Asfaezzah Binti Ab Karim (Pemelihara Hutan, Gred G41), Puan Norliza Binti Md (Pemelihara Hutan, Gred G44), Encik Mohd Syahrir Azrin Bin Salleh (Pemelihara Hutan, Gred G52), Mohd Fariz Bin Abd Rhani (Pemelihara Hutan, Gred G44)

Barisan Kedua Dari Kiri : Norhafizan Bin Hussien (Pembantu Awam, Gred H11), Nurul Izati Binti Wagimin (Penolong Pemelihara Hutan/Renjer Hutan, Gred G29), Nazirah Binti Abdul Aziz (Penolong Pemelihara Hutan/Renjer Hutan, Gred G29), Norfazilawati Binti Jauhari (Penolong Pemelihara Hutan/Renjer Hutan, Gred G29), Ramlee Bin Mislan@Miswan (Pembantu Awam, Gred H11), Rimi Bin Muhammad (Pemandu Kenderaan, Gred H11), Hazlan Bin Alias (Penolong Pemelihara Hutan/Renjer Hutan, Gred G32), Mohamad Syahmil Bin Sukawai (Penolong Pemelihara Hutan/Renjer Hutan, Gred G29), Muhammad Anwar Bin Mohd Ali (Pelukis Pelan, Gred JA29), Azamuddin Bin Kassan (Penolong Pemelihara Hutan/Renjer Hutan, Gred G29)

Barisan Ketiga Dari Kiri : Izzanie Binti Mazlan (Pembantu Awam, Gred H11), Yusof Bin Yacob (Pengawas Hutan, Gred G19), Muhammad Azhari Bin Mustaffa (Pengawas Hutan, Gred G19), Muhammad Azwan Bin Abd Razak (Pengawas Hutan, Gred G19), Mohd Rizal Bin Hamdan (Pengawas Hutan Kanan, Gred G22), Nurul Ain Binti Yacob (Pengawas Hutan, Gred G19), Zahari Bin Dusah (Pembantu Awam, Gred H11)

Barisan Belakang Dari Kiri : Musa Bin Amir (Pengawas Hutan, Gred G19), Mohd Azlin Bin Jamil (Pengawas Hutan Kanan, Gred G22), Mohd Amin Bin Ahmad (Pengawas Hutan Kanan, Gred G22), Hadaha Bin Md Din (Pengawas Hutan, Gred G19), Mohammad Syahir Bin Mohd Farid (Pengawas Hutan, Gred G19)

Bahagian Pembangunan Hutan

Seksyen Perancangan Dan Pengurusan

Bertanggungjawab dalam mengurus Hutan Simpanan Kekal (HSK) :

- Secara sistematik dengan merekod pewartaan masuk, pemansuhan HSK dan Maklumat Sumber Hutan;
- Merancang dan melaksanakan program serta aktiviti pengurusan sumber hutan seperti mencuci dan menanda sempadan luar HSK dan inventori hutan sebelum tebangan (Pre-F) dengan matlamat Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (PHSB);
- Merancang dan melaksanakan program serta aktiviti pembangunan asli untuk tujuan pembelajaran dan penyelidikan;
- Menyedia dan mengemaskini maklumat sumber hutan
- Menyedia dan memantau perlaksanaan rancangan-rancangan pengurusan dan pembangunan sumber hutan;
- Merancang dan menguruskan aktiviti penandaan serta penyelenggaraan sempadan luar HSK; dan
- Memantau perlaksanaan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pensijilan pengurusan hutan.



Barisan Hadapan Dari Kiri: Norfazilawati Binti Jauhari (Penolong Pemelihara Hutan/Renjer Hutan, Gred G29), Azimahwati Binti Mohd Alwee (Pengawas Hutan, Gred G19), Nurul Izati Binti Wagimin (Penolong Pemelihara Hutan/Renjer Hutan, Gred G29), Mohd Fariz Bin Abd Rhani (Pemelihara Hutan, Gred G44), Muhammad Anwar Bin Mohd Ali (Pelukis Pelan, Gred JA29), Syamil Bin Sukawai (Penolong Pemelihara Hutan/Renjer Hutan, Gred G29), Monshi Abdullah Bin Ismail (Pemandu Kenderaan, Gred H11)

Barisan Belakang Dari Kiri: Muhammad Azhari Bin Mustaffa (Pengawas Hutan, Gred G19), Mohd Saiful Bin Zainal (Pengawas Hutan, Gred G19), Mohd Azlin Bin Jamil (Pengawas Hutan Kanan, Gred G22), Muhammad Azwan Bin Abd Razak (Pengawas Hutan, Gred G19), Mohd Rizal Bin Hamdan (Pengawas Hutan Kanan, Gred G22), Hadaha Bin Md Din (Pengawas Hutan, Gred G19)

Bahagian Pembangunan Hutan

Seksyen Silvikultur Dan Perlindungan

Bertanggungjawab dalam melaksana dan menyelaras program pembangunan hutan:

- Melaksanakan dan memantau projek/ aktiviti Inventori hutan selepas tebangan (Post-F) yang melibatkan kawasan selepas pengusahasilan di Hutan Simpanan Kekal;
- Melaksanakan dan memantau projek/ aktiviti rawatan pemulihan hutan termasuk tanaman mengaya dan memotong akar pepanjat;
- Melaksanakan dan memantau pelaksanaan projek Restorasi, Tebus Guna dan Pemulihan kawasan terosot;
- Melaksana dan memantau aktiviti-aktiviti perolehan dan penyediaan bahan tanaman pokok hutan di tapak semaian dan petak fenologi;
- Mengurus dan memantau Kawasan Pemeliharaan Hutan Bernilai Tinggi (High Conservation Value Area);
- Memantau pelaksanaan projek ladang hutan di dalam Hutan Simpanan Kekal bagi memastikan projek mencapai objektif penubuhan ladang hutan;
- Melaksana dan memantau aktiviti pencegahan kebakaran hutan, serangan penyakit tumbuhan dan serangga perosak;
- Memantau pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti Jabatan (MS ISO 9001:2015) bagi mencapai tahap yang dikehendaki;
- Mengurus dan merancang pembangunan kawasan-kawasan konservasi melibatkan flora dan fauna; dan
- Bertanggungjawab dalam permohonan, pemantauan dan penyediaan bagi pelaksanaan Peruntukan Pembangunan Negeri (P71) dan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan (KWPH).



Barisan Hadapan Dari Kiri: Nur Liyana Binti Ahmad (Pengawas Hutan, Gred G19), Nurul Ain Binti Yacob (Pengawas Hutan, Gred G19), Hazlan Bin Alias (Penolong Pemelihara Hutan/Renjer Hutan, Gred G32), Puan Norliza Binti Md (Pemelihara Hutan, Gred G44), Azamuddin Bin Kassan (Penolong Pemelihara Hutan/Renjer Hutan, Gred G29), Nazirah Binti Abdul Aziz (Penolong Pemelihara Hutan/Renjer Hutan, Gred G29), Nabilah Shahirah Binti Azisyan (Pengawas Hutan , Gred G19), Izzanie Binti Mazlan (Pembantu Awam, Gred H11)

Barisan Belakang Dari Kiri: Rimi Bin Muhammad (Pemandu Kenderaan, Gred H11), Musa Bin Amir (Pengawas Hutan, Gred G19), Mohamed Lizam Bin Awang (Pengawas Hutan, Gred G19), Shariffudin Bin Shahadad (Pengawas Hutan, Gred G19), Hafizal Bin Ishak (Pembantu Awam, Gred H11), Ramlee Bin Mislan@Miswan (Pembantu Awam, Gred H11), Norhafizan Bin Hussien (Pembantu Awam, Gred H11), Zamri Bin Karman (Pembantu Awam, Gred H11), Mohammad Syahir Bin Mohd Farid (Pengawas Hutan, Gred G19), Yusof Bin Yacob (Pengawas Hutan, Gred G19), Mohd Yatim Bin Awang (Pengawas Hutan, Gred G19), Kharul Fauzi Bin Abd Ghaffar (Pembantu Awam, Gred H11)

Bahagian Pembangunan Hutan

Seksyen Hutan Lipur Dan Hutan Taman Negeri

Bertanggungjawab dalam mengurus dan memantau pembangunan Hutan Lipur dan Hutan Taman Negeri (HTN):

- Menyelaras penubuhan Hutan Lipur selaras dengan keperluan dan permintaan Kerajaan Negeri;
- Merancang dan memantau pembangunan Hutan Lipur;
- Merancang, menyelaras dan melaksana aktiviti-aktiviti rekreasi, program publisiti dan pengembangan berkaitan perhutanan dan eko-pelancongan;
- Menyediakan risalah dan buletin eko-pelancongan untuk edaran umum;
- Merancang dan menyediakan Pelan Induk Pembangunan Hutan Lipur dan Hutan Taman Negeri;
- Megurus pewujudan kawasan Hutan Taman Negeri dan melaksanakan program-program pembangunan yang berkaitan; dan
- Merancang dan memantau pembangunan trek pendakian dan trek sukan lasak.



Dari Kiri: Mohd Amin Bin Ahmad (Pengawas Hutan Kanan, Gred G22), Puan Asfaezzah Binti Ab Karim (Pemelihara Hutan, Gred G41), Nur Fazlin Binti Ahmad (Pengawas Hutan Kanan, Gred G22), Mohd Hadzri Bin Hasin (Pengawas Hutan Kanan, Gred G22)

Bahagian Operasi Hutan

Bahagian ini melibatkan pelesenan pengusahasilan hutan, pelesenan industri berasas kayu, penguatkuasaan undang-undang termasuk penyiasatan, pendakwaan kes kesalahan hutan, pentadbiran dan perkhidmatan serta kewangan dan hasil.



Barisan Hadapan: Encik Mohd Izani Bin Abdullah (Pemelihara Hutan, Gred G48)

Barisan Kedua Dari Kiri : Sylvester Usah (Pemelihara Hutan, Gred G41), Noor Ain Binti Abd Karim (Pemelihara Hutan, Gred G41/G44), Mohammad Sapri Bin Mansor (Penolong Pegawai Tadbir, Gred N32), Nor Azizah Binti Hj. Kambari (Pembantu Tadbir, Gred N22)

Barisan Ketiga Dari Kiri : Mishazli Bin Abdul Rahman (Penolong Akautan, Gred W29/W32), Hairul Azuan Bin Mohamad (Penolong Jurutera, Gred JA29), Nursyahidah Bin Ahmad (Pembantu Tadbir (Kewangan), Gred W19), Hareisha Aries Binti Bahkiar (Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) , Gred N19)

Barisan Keempat Dari Kiri : Kamisah Binti Mohamad Ali (Pembantu Tadbir Kanan (Kewangan) , Gred W22), Mohd Khair Bin M. Sharip (Pengawas Hutan, Gred G26), Zarin Atiqah Binti Hasim (Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi), Gred N19), Nurul Aifa Binti Mohd Aris (Pembantu Operasi, Gred N2), Nurul Marinna Binti Abd Majid (Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) , Gred N19), Norijah Binti Md Noor (Pengawas Hutan Kanan, Gred G22)

Barisan Kelima Dari Kiri: Fatin Nur Nadia Binti Mohd Fadzli (Pembantu Tadbir (Kewangan), Gred W19), Noorain Binti Amil (Pembantu Tadbir (Kewangan), Gred W2), Ahmad Iliasa Bin Mohd Salleh (Pengawas Hutan G19), Zamri Bin Bahran (Pemandu Kenderaan, Gred H11)

Barisan Keenam Dari Kiri: Nordiana Binti Rafie (Pembantu Tadbir (Kewangan), Gred W19), Mohd Izad Bin Wagimin (Pengawas Hutan G19), Gred, Hidayatul Hannani Binti Halim (Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi), Gred N19), Khaharudin Bin Mohd Nor (Pengawas Hutan Kanan, Gred G22), Mohd Nizam Bin Ma Arob (Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi), Gred N19)

Barisan Belakang Dari Kiri: Ramzie Bin Abd Hamid@Mohd Kamit (Pemandu Kenderaan, Gred H11), Ebby Saifollah Bin Masbah (Pemandu Kenderaan, Gred H11), Ahmad Faiezal Bin Masood (Penolong Jurutera, Gred JA29), Kamarul Ariffin Bin Kaharudin (Pembantu Khidmat Am, Gred H11), Mohd Hasmar Bin Md (Pembantu Awam, Gred H11), Norfazilawati Binti Jauhari (Penolong Pemelihara Hutan/Renjer Hutan, Gred G29)

Bahagian Operasi Hutan

Seksyen Risikan Dan Penguatkuasaan

Bertanggungjawab dalam melaksanakan dan menyelaras tugas-tugas seperti berikut:

- Merancang dan menyelaras program risikan dan operasi penguatkuasaan terhadap sebarang aktiviti yang dijalankan di dalam hutan simpanan kekal, tanah kerajaan dan tanah milik bagi memastikan pematuhan terhadap Akta Perhutanan Negara dan peraturan-peraturan lain yang sedia ada dan berkaitan;
- Merancang dan menyelaras program risikan dan operasi penguatkuasaan bagi memastikan pematuhan kepada syarat-syarat lesen pengusahasilan, lesen kecil, permit penggunaan, permit jalan, pas pemindah, transit dan balai pemeriksa hutan;
- Merancang dan menyelaras aktiviti risikan dan operasi penguatkuasaan ke atas kilang-kilang industri berasas kayu ke arah pematuhan Enakmen Industri Berasas Kayu dan peraturan-peraturan lain yang berkaitan;
- Melaksanakan dan menyelaras segala data dan maklumat aktiviti risikan dan penguatkuasaan hutan dengan bahagian dan seksyen pentadbiran di Pejabat Perhutanan Negeri, Pejabat Hutan Daerah, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia serta lain-lain Jabatan dan agensi yang berkaitan; dan
- Merancang dan menyelaras tindakan terhadap sebarang maklumat isu-isu semasa serta aduan awam yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti yang melanggar peraturan dan bertentangan dengan Akta Perhutanan Negara atau peraturan-peraturan lain yang berkaitan.



Dari Kiri: Ebby Saifollah Bin Masbah (Pemandu Kenderaan, Gred H11), Mohd Izad Bin Wagimin (Pengawas Hutan, Gred G19), Mohd Khair Bin M. Sharip (Pengawas Hutan, Gred G26), Sylvester Usah (Pemelihara Hutan, Gred G41), Ahmad Iliasa Bin Mohd Salleh (Pengawas Hutan, Gred G19), Zamri Bin Bahran (Pemandu Kenderaan, Gred H11)

Bahagian Operasi Hutan

Seksyen Penguatkuasaan Dan Siasatan

Bertanggungjawab dalam melaksanakan dan menyelaras tugas-tugas seperti berikut:

- Menjalankan penyiasatan sebagai Pegawai Penyiasat ke atas kes-kes kesalahan hutan mengikut peruntukan Akta 313, EIBK dan lain-lain perundangan yang berkaitan;
- Menyedia, mengemaskini dan memperlengkapkan kertas siasatan bagi kes-kes kesalahan hutan sebelum dibawa kepada pendakwaan di mahkamah;
- Merekod dan mengemukakan laporan status kemajuan bulanan penyiasatan bagi setiap kes kesalahan hutan kepada IPJPSM;
- Memberi nasihat teknikal dan membantu pihak JPN dalam pengendalian dan pengurusan kes-kes kesalahan hutan mengikut peruntukan Akta 313, EIBK dan lain-lain perundangan yang berkaitan; dan
- Memberi nasihat teknikal dan membantu pihak JPN dalam pengendalian dan pengurusan kertas siasatan bagi kes-kes kesalahan hutan sebelum dibawa kepada pendakwaan di mahkamah.



Dari Kiri: Mohd Fizree Bin Md Kamsiran (Pembantu Awam, Gred H11) dan Mohd Fauzi Bin Abdul Hamid (Penolong Pemeliharaan Hutan, Gred G36)

Bahagian Operasi Hutan

Seksyen Industri Dan Pengusahasilan

Bertanggungjawab dalam melaksanakan dan menyelaras tugas-tugas seperti berikut:

- Memproses permohonan baharu dan pembaharuan lesen industri berasas kayu di Negeri Johor;
- Melaksanakan proses Permohonan Mengusahasil Hasil Hutan, Pelesenan, Perlanjutan Tempoh Kuatkuasa Lesen (Hutan Simpan, Tanah Kerajaan, Tanah Berimilik, Lesen Kecil, Permit Jalan, Permit Penggunaan dan Permit Carigali bagi memastikan permohonan mengikut peraturan yang sedang berkuatkuasa;
- Melaksanakan pendaftaran dan pembaharuan tanda harta bagi memastikan kayu import yang masuk mempunyai kelulusan dan dibayar cukai perkhidmatannya;
KUTIPAN HASIL JABATAN

Berikut merupakan kutipan hasil Jabatan pada tahun 2024:

PREMIUM	ROYALTI	SES	SUMBER LAIN
136,226.85	2,546,843.50	459,902.22	2,723,000.70

JUMLAH KESELURUHAN KUTIPAN HASIL (RM): 5,865,973.27

UNIT KEWANGAN

A. PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN

MENGURUS, B19	KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN HUTAN (KWPH)	PEMBANGUNAN P71005	PEMBANGUNAN P71008	KAJIAN BPEN P71007
PERUNTUKAN (RM) **23,402,000.00**	PERUNTUKAN (RM) **1,530,000.00**	PERUNTUKAN (RM) **1,650,000.00**	PERUNTUKAN (RM) **1,100,000.00**	PERUNTUKAN (RM) **150,000.00**
PERBELANJAAN (RM) **22,912,922.06**	PERBELANJAAN (RM) **1,432,369.64**	PERBELANJAAN (RM) **1,607,355.20**	PERBELANJAAN (RM) **1,009,274.50**	PERBELANJAAN (RM) **121,814.87**
BAKI PERUNTUKAN (RM) **489,077.94**	BAKI PERUNTUKAN (RM) **226,349.96**	BAKI PERUNTUKAN (RM) **42,644.80**	BAKI PERUNTUKAN (RM) **90,725.50**	BAKI PERUNTUKAN (RM) **28,185.13**
PERATUSAN PERBELANJAAN **98%**	PERATUSAN PERBELANJAAN **94%**	PERATUSAN PERBELANJAAN **97%**	PERATUSAN PERBELANJAAN **92%**	PERATUSAN PERBELANJAAN **81%**

PEJABAT MENTERI BESAR	PEMBANGUNAN JPSM, P23	TABUNG AMANAH KONSERVASI SUMBER ASLI NASIONAL(NCTF)	MOTAC
PERUNTUKAN (RM) **720,000.00**	PERUNTUKAN (RM) **1,039,552.00**	PERUNTUKAN (RM) **228,900.00**	PERUNTUKAN (RM) **720,000.00**
PERBELANJAAN (RM) **701,970.50**	PERBELANJAAN (RM) **1,037,378.50**	PERBELANJAAN (RM) **198,809.96**	PERBELANJAAN (RM) **539,850.00**
BAKI PERUNTUKAN (RM) **18,029.50**	BAKI PERUNTUKAN (RM) **2,173.50**	BAKI PERUNTUKAN (RM) **30,096.04**	BAKI PERUNTUKAN (RM) **35,150.00**
PERATUSAN PERBELANJAAN **98%**	PERATUSAN PERBELANJAAN **100%**	PERATUSAN PERBELANJAAN **87%**	PERATUSAN PERBELANJAAN **94%**

Petunjuk Prestasi Jabatan

Seksyen Pentadbiran dan Kewangan

UNIT KEWANGAN

B. LAPORAN PERBELANJAAN MENGURUS, B19

OBJEK SEBAGAI	PERUNTUKAN DILULUSKAN 2024	PERUNTUKAN DIPINDA	JUMLAH PERUNTUKAN DIKEMASKINI	PERBELANJAAN TERKUMPUL & BERSIH	BAKI	% PERBELANJAAN
11000 Gaji dan Upahan	11,071,000.00	0.00	11,071,000.00	10,810,561.07	260,438.93	98
12000 Elaun Tetap	2,681,000.00	80,000.00	2,761,000.00	2,760,606.33	93.67	100
13000 Sumbangan Berkanun untuk kakitangan (KWSP)	120,000.00	0.00	120,000.00	90,689.85	29,310.15	76
14000 Elaun Lebih Masa	600,000.00	55,000.00	655,000.00	649,595.67	5,404.33	99
15000 Faedah-Faedah Kewangan Yang Lain	30,000.00	0.00	30,000.00	29,686.20	313.80	99
17000 Bayaran Imbuhan Tahunan & Bantuan Kewangan	452,000.00	2,522,000.00	2,974,000.00	2,936,900.96	37,099.04	99
21000 Perbelanjaan Perjalanan Dan Sara Hidup	730,000.00	0.00	730,000.00	721,628.43	8,371.57	99
22000 Pengangkutan Barang-Barang	10,000.00	-5000.00	5,000.00	4,436.05	563.95	89
23000 Perhubungan dan Utiliti	250,000.00	0.00	250,000.00	236,137.44	13,862.56	94
24000 Sewaan	150,000.00	-15,000.00	135,000.00	76,528.00	58,472.00	57
26000 Bekalan Bahan Mentah & Bahan-Bahan Utk Penyelenggraan & Pembaikan	480,000.00	0.00	480,000.00	440,331.85	39,668.15	92
27000 Bekalan Dan Bahan-Bahan Lain	600,000.00	-57,500.00	542,500.00	537,651.80	4,848.20	99
28000 Penyelenggaraan Dan Pembaikan Yang Dibeli	1,000,000.00	290,000.00	1,290,000.00	1,286,583.89	3,416.11	100
29000 Perkhidmatan Ikhtisas dan Perkhidmatan Lain Yg Dibeli & Hospitaliti	1,700,000.00	-160,000.00	1,540,000.00	1,539,186.76	813.24	100
34000 Kenderaan dan Jentera	206,000.00	0.00	206,000.00	204,000.00	2,000.00	99
35000 Harta Modal-Harta Modal Yang Lain	150,000.00	22,500.00	172,500.00	172,498.00	2.00	100
47000 Ganjaran	3,000.00	0.00	3,000.00	2,490.39	509.61	83
48000 Gantian Cuti Rehat	514,000.00	-77,000.00	437,000.00	413,409.37	23,590.63	94
JUMLAH	20,747,000.00	2,655,000.00	23,402,000.00	22,912,922.06	489,077.94	98

UNIT KEWANGAN

C. KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN HUTAN (KWPH)

PROJEK/PROGRAM	PERUNTUKAN (RM)	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)	PRESTASI PERBELANJAAN (%)	BAKI PERUNTUKAN (RM)
Program Pengurusan Hutan	300,000.00	271,080.00	90	28,920.00
Program Penghutanan Semula	340,000.00	325,243.40	96	13,216.40
Program Hutan Lipur	590,000.00	516,197.00	87	73,803.00
Program Pemantapan Modal Insan	300,000.00	297,000.00	99	3,000.00
JUMLAH	**1,530,000.00**	**1,409,520.40**	**92**	**118,939.40**

D. LAPORAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN NEGERI JOHOR, P71005

PROJEK/PROGRAM	PERUNTUKAN (RM)	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)	PRESTASI PERBELANJAAN (%)	BAKI PERUNTUKAN (RM)
Pembangunan Dan Pengurusan Panti ConservationArea(PCA)	420,000.00	419,819.20	100	117.00
Pengurusan Sumber Asli	495,000.00	493,599.10	100	1,400.90
Operasi Dan Penguatkuasaan	200,000.00	184,000.00	92	16,000.00
Program Penghijauan Malaysia : Kempen Penanaman 100 Juta Pokok	535,000.00	509,936.90	95	25,063.10
JUMLAH	**1,650,000.00**	**1,607,355.20**	**97**	**42,644.80**

E. LAPORAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN NEGERI JOHOR, P71008

PROJEK/PROGRAM	PERUNTUKAN (RM)	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)	PRESTASI PERBELANJAAN (%)	BAKI PERUNTUKAN (RM)
Kerja-kerja Membina Baru Pejabat dan Pusat Pengurusan Pelawat, Surau Serta Kerja-kerja Lain Berkiatan di Taman Eko Rimba(TER) Gunung Berlumut, Kluang, Johor	20,000.00	0	0	20,000.00
Kerja-kerja Menaiktaraf Pejabat dan Pusat Pengurusan Pelawat Serta Lain-lain Kerja Berkaitan di Taman Eko Rimba Sungai Bantang, Bekok, Segamat, Johor	500,000.00	436,274.50	87	63,725.50
Pembinaan Trek Basikal (Downhill) di Gunung Pulai, Kulai	100,000.00	98,000.00	98	2,000.00
Pembinaan Dataran Nephentes di Hutan Simpan Ayer Hitam, Muar	500,000.00	475,000.00	95	25,000.00
JUMLAH	**1,100,000.00**	**1,009,274.50**	**92**	**90,725.50**

F. LAPORAN PERBELANJAAN KAJIAN BAHAGIAN PERANCANG EKONOMI NEGERI JOHOR, P71007

PROJEK/PROGRAM	PERUNTUKAN (RM)	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)	PRESTASI PERBELANJAAN (%)	BAKI PERUNTUKAN (RM)
Kajian Rancangan Pengurusan Hutan Negeri Johor 2026-2035	150,000.00	121,814.87	81	28,185.13
JUMLAH	**150,000.00**	**121,814.87**	**81**	**28,185.13**

UNIT KEWANGAN

G. LAPORAN PERBELANJAAN PEJABAT MENTERI BESAR JOHOR

PROJEK/PROGRAM	PERUNTUKAN (RM)	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)	PRESTASI PERBELANJAAN (%)	BAKI PERUNTUKAN (RM)
Kerja-Kerja Membina Tandas Awam Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan di Taman Eko Rimba(TER) Gunung Pulai 1, di Dalam Daerah Kulai	250,000.00	245,230.00	98	4,770.00
Kerja-Kerja Menaik taraf Ruang Bilik Tayangan Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan di Pusat Kecemerlangan Perhutanan Suaka Burung,KotaTinggi	120,000.00	117,495.00	98	2,505.00
Kerja-Kerja Membaik pulih Fasiliti Taman Eko Rimba Soga Perdana(HutanLipur), Taman Bukit Perdana, Batu Pahat	100,000.00	93,819.50	94	28,920.00
Kerja-Kerja Membaik pulih Jambatan Gantung Serta Kerja Berkaitan Di Taman Eko Rimba Sungai Bantang, Bekok, Segamat	130,000.00	128,950.00	99	13,216.40
JUMLAH	**720,000.00**	**701,970.50**	**98**	**18,029.50**

H. LAPORAN PEMBANGUNAN JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA, P23

PROJEK/PROGRAM	PERUNTUKAN (RM)	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)	PRESTASI PERBELANJAAN (%)	BAKI PERUNTUKAN (RM)
BAHAGIAN LADANG DAN PERLINDUNGAN HUTAN				
Program Penanaman 100 Juta Pokok:	315,000.00	312,870.50	99	2,129.50
Program Penanaman Pokok Bakau dan Spesies-Spesies yang Bersesuaian Persisiran Pantai Negara	19,995.00	19,995.00	100	0
Projek Pembinaan Infrastruktur Dan Perolehan Kelengkapan Kebakaran Hutan Di Negeri Johor	168,312.00	168,312.00	100	0
BAHAGIAN PENGURUSAN HUTAN				
Pemuliharaan Fungsi Hidrologi dan Pencegahan Kebakaran Hutan Paya Gambut	480,000.00	479,956.00	100	44.00
Projek Pengurusan dan Pembangunan Central Forest Spine (CFS)	10,000.00	10,000.00	100	0
BAHAGIAN SILVIKULTUR DAN PERLINDUNGAN BIOLOGI HUTAN				
Ekspedisi Sainstifik Kepelbagaian Biologi Hutan Simpan Gunung Arong, Johor	**46,245.00**	**46,245.00**	**100**	0
JUMLAH	**1,039,552.00**	**1,037,378.50**	**100**	**2,173.50**

UNIT KEWANGAN

I. LAPORAN PERBELANJAAN TABUNG AMANAH KONSERVASI SUMBER ASLI NASIONAL (NCTF)

PROJEK/PROGRAM	PERUNTUKAN (RM)	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)	PRESTASI PERBELANJAAN (%)	BAKI PERUNTUKAN (RM)
Systematic Study And Conservation Of Nepenthes Population In Ayer Hitam Utara Forest Reserve (AHUFR), Muar	228,900.00	198,809.96	87	30,096.04
JUMLAH	**228,900.00**	**198,809.96**	**87**	**30,096.04**

J. LAPORAN PERBELANJAAN KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA (MOTAC)

PROJEK/PROGRAM	PERUNTUKAN (RM)	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)	PRESTASI PERBELANJAAN (%)	BAKI PERUNTUKAN (RM)
Kerja-Kerja Membaik pulih, Menaik taraf Denai Pejalan Kaki, Trek Pendakian Dan Tempat Meletak Kenderaan Di Taman Eko Rimba(TER) Gunung Pulai 1, Dalam Daerah Kulai, Johor.	230,000.00	221,600.00	98	8,400.00
Kerja-Kerja Membaik pulih, Menaik taraf Sistem Perpaipan Di Taman Eko Rimba(TER) GunungPulai 1, Dalam Daerah Kulai, Johor.	110,000.00	108,350.00	98	1,650.00
Kerja-Kerja Menaiktaraf Sistem Bekalan Air, Pemasangan Tangki Air Tambahan, Rumah Pam Serta Kerja Berkaitan Di Taman Eko Rimba Sg.Bantang, Bekok	160,000.00	140,900.00	94	19,100.00
Kerja-Kerja Menaiktaraf Fasiliti Kompleks Suaka Burung Panti, Daerah Kota Tinggi	75,000.00	69,000.00	99	6,000.00
JUMLAH	**720,000.00**	**539,850.00**	**94**	**35,150.00**

UNIT KERJURUTERAAN HUTAN

A. NAIK TARAF BANGUNAN

Pada tahun 2024, peruntukan sejumlah RM 500,000.00 telah diluluskan di bawah peruntukan Pembangunan, P71008 dan telah dibelanjakan sebanyak RM 436,274.50 untuk menjalankan Kerja-kerja Menaiktaraf Pejabat dan Pusat Pengurusan Pelawat Serta Lain-lain Kerja Berkaitan di Taman Eko Rimba Sungai Bantang, Bekok, Segamat.

Bagi peruntukan di bawah MOTAC pula, sejumlah RM 160,000.00 telah diluluskan dan telah berjaya dilaksanakan Kerja-Kerja Menaiktaraf Sistem Bekalan Air, Pemasangan Tangki Air Tambahan, Rumah Pam Serta Kerja Berkaitan Di Taman Eko Rimba Sg. Bantang, Bekok yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM 140,900.00. Selain itu, sebanyak RM 75,000.00 telah diperuntukkan untuk Kerja-Kerja Menaiktaraf Fasiliti Kompleks Suaka Burung Panti, Daerah Kota Tinggi dan telah dibelanjakan sebanyak RM 69,000.00 untuk kerja tersebut.

JPNJ juga telah menerima peruntukan daripada Pejabat Menteri Besar Johor sebanyak RM 250,000.00 bagi Kerja-Kerja Menaiktaraf Ruang Bilik Tayangan Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan di Pusat Kecemerlangan Perhutanan Suaka Burung, Kota Tinggi dan telah dibelanjakan sebanyak RM 245,230.00.

B. PENYELENGGARAAN DAN BAIK PULIH BANGUNAN

Peruntukan sejumlah RM 300,000.00 telah diluluskan di bawah peruntukan KWPH dan telah dibelanjakan sebanyak RM 263,200.00 untuk menjalankan Membaik Pulih Tebing Sungai dan Menaiktaraf Tembok Penghadang Air serta Kerja Berkaitan Taman Eko Rimba (TER) Gunung Belumut, Kluang. Selain itu, di bawah peruntukan yang sama juga, sebanyak RM 124,960.00 daripada RM 150,000.00 telah dibelanjakan untuk Membaikpulih dan Menaiktaraf Tandas di kawasan Tapak Perkhemahan, Taman Eko Rimba (TER) Sungai Bantang, Bekok.

Bagi peruntukan di bawah MOTAC, sejumlah RM 230,000.00 telah diluluskan dan telah berjaya dilaksanakan Kerja-Kerja Membaikpulih, Menaiktaraf Denai Pejalan Kaki, Trek Pendakian dan Tempat Meletak Kenderaan di Taman Eko Rimba (TER) Gunung Pulai 1, Kulai yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM 221,600.00. Selain itu, sebanyak RM 75,000.00 telah diperuntukkan untuk Kerja-Kerja Menaiktaraf Fasiliti Kompleks Suaka Burung Panti, Daerah Kota Tinggi dan telah dibelanjakan sebanyak RM 69,000.00 untuk kerja tersebut. Di bawah peruntukan yang sama juga terdapat juga Kerja-Kerja Membaik Pulih, Menaik Taraf Sistem Perpaipan Di Taman Eko Rimba (TER) Gunung Pulai 1, Kulai dengan peruntukan sebanyak RM 110,000.00 dan telah dibelanjakan sebanyak RM 108,350.00.

Pejabat Menteri Besar Johor juga telah meluluskan peruntukan sebanyak RM 100,00.00 bagi Kerja-Kerja Membaik Pulih Fasiliti Taman Eko Rimba Soga Perdana (Hutan Lipur), Taman Bukit Perdana, Batu Pahat dan telah dibelanjakan sebanyak RM 93,819.50 serta peruntukan sebanyak RM 130,000.00 bagi Kerja-Kerja Membaikpulih Jambatan Gantung Serta Kerja Berkaitan Di Taman Eko Rimba Sungai Bantang, Bekok, Segamat dan berjaya dibelanjakan sebanyak RM 128,950.00.

C. PEMBINAAN BAHARU BANGUNAN

Bagi peruntukan di bawah Pembangunan, P71008, sejumlah RM 100,000.00 telah diluluskan dan telah berjaya dilaksanakan Pembinaan Trek Basikal (Downhill) di Gunung Pulai, Kulai yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM 98,000.00. Selain itu, sebanyak RM 500,000.00 telah diperuntukkan untuk Pembinaan Dataran Nephentes di Hutan Simpan Ayer Hitam, Muar dan telah dibelanjakan sebanyak RM 475,000.00 untuk kerja tersebut.

JPNJ juga telah menerima peruntukan daripada Pejabat Menteri Besar Johor sebanyak RM 120,000.00 bagi Kerja-Kerja Membina Tandas Awam Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan di Taman Eko Rimba (TER) Gunung Pulai 1, Kulai dan telah dibelanjakan sebanyak RM 117,495.00.


Petunjuk Prestasi Jabatan

Seksyen Perancangan dan Pengurusan

A. PENGURUSAN SUMBER HUTAN
i. Maklumat Sumber Hutan

KELUASAN TANAH NEGERI: 1,908,811.57 HEKTAR

(Dikemaskini sehingga Disember 2024)












KAWASAN BERHUTAN: 442,259.14 HEKTAR


KATEGORI KAWASAN BERHUTAN



Petunjuk Prestasi Jabatan

Seksyen Perancangan dan Pengurusan

PETA HUTAN SIMPANAN KEKAL NEGERI JOHOR TAHUN 2024




Petunjuk Prestasi Jabatan

Seksyen Perancangan dan Pengurusan

A. PENGURUSAN SUMBER HUTAN

ii. Pengkelasan Hutan Simpanan Kekal

Mengikut Seksyen 10(1) Enakmen Perhutanan Negara (Pemakaian) 1985 Negeri Johor



A. PENGURUSAN SUMBER HUTAN

iii. Skop Pensijilan Berdasarkan Keperluan Standard Malaysian Criteria And Indicators For Sustainable Forest Management (MC&I SFM)

Skop Pensijilan Asal
285, 282.87 hektar

Skop Pensijilan 2024
284, 957.80 hektar

Pada 3 Julai 2020 JPNJ telah berjaya memperolehi Pensijilan Pengurusan Hutan MC&I (Hutan Asli) dengan skop pensijilan seluas 285,292.87 hektar.

Kemudian pada 8 Jun 2022, sijil diperbaharui kepada Pensijilan Pengurusan Hutan MC&I (SFM) dengan keluasan skop pensijilan yang sama berkuatkuasa sehingga 2 Julai 2025.

Namun, terdapat pewartaan keluar melibatkan 512.22 hektar HS Maokil Tambahan pada tahun 2024 yang menyebabkan keluasan skop pensijilan berkurang sebanyak 325.07 hektar.



CERTIFICATE FOR FOREST MANAGEMENT

SIRIM QAS International Sdn. Bhd. hereby certifies that

JOHOR STATE FORESTRY DEPARTMENT
TINGKAT 2, BANGUNAN DATO' MOHAMAD IBRAHIM MUNSYI
KOTA ISKANDAR
79660 ISKANDAR PUTERI
JOHOR DARUL TAKZIM
MALAYSIA

has implemented the requirements complying with

Malaysian Criteria and Indicators for Sustainable Forest Management (MC&I SFM) under the Malaysian Timber Certification Scheme (MTCS)

Scope:

MANAGEMENT OF NATURAL FOREST WITHIN THE PERMANENT RESERVED FORESTS (PRF) LOCATED IN THE JOHOR FOREST MANAGEMENT UNIT (FMU) (285,292.87 HECTARES).

Issue date : 08 June 2022
Original certification date : 03 July 2020
Expiry date : 02 July 2025
Certification no. : FMC-NF 00126

Nur Fadhilah binti Muhammad
Chief Executive Officer
SIRIM QAS International Sdn Bhd


This Certificate is granted subject to the terms and conditions as stated in the Certification Agreement.

A. PENGURUSAN SUMBER HUTAN

iv. Sistem Pengurusan Memilih (SMS)

Sistem Pengurusan Memilih (SMS) merupakan satu sistem pengurusan hutan yang menghendaki pemilihan rejim pengurusan (tebangan) berdasar kepada data inventori hutan sebelum tebangan (Pre-F) untuk menjamin pengusahasilan yang ekonomik dan juga memastikan dirian tinggal yang mencukupi bagi pusingan tebangan berikutnya.

SMS mematuhi kriteria dan petunjuk Pensijilan Pengurusan Hutan (MC&I) SFM dengan berpandukan Garis Panduan Pembalakan Berimpak Rendah (Reduced Impact Logging). Giliran tebangan bagi SMS adalah 30 tahun dan dikawal melalui catuan tebangan tahunan (CTT). Hanya pokok yang ditanda untuk tebangan sahaja boleh ditebang. Pokok ibu perlu ditanda sekurang-kurangnya 4 pokok bagi setiap 1 hektar. Penanaman semula anak pokok di kawasan terbuka dilaksanakan.



B. PROGRAM PENGURUSAN SUMBER HUTAN

i. Mencuci dan Menanda Sempadan Luar Hutan Simpanan Kekal (HSK)

IDENTIFICATION

Mencuci dan menanda sempadan luar Hutan Simpanan Kekal (HSK) ialah satu aktiviti pengurusan hutan yang melibatkan kerja-kerja pembersihan kawasan sempadan hutan dan meletakkan tanda-tanda fizikal bagi menunjukkan sempadan yang sah antara HSK dan kawasan luar. Tujuan aktiviti ini dilaksanakan adalah untuk memastikan sempadan HSK dikenalpasti dengan jelas dan tidak dicerobohi.

Pada tahun 2024, peruntukan sejumlah RM 268,300.00 telah diluluskan di bawah peruntukan Pembangunan, P71005 dan telah membelanjakan sebanyak RM 268,183.00 untuk menjalankan aktiviti penyelenggaraan sempadan luar HSK. Bagi peruntukan di bawah KWPH, sejumlah RM 300,000.00 telah diluluskan dan telah berjaya dilaksanakan aktiviti tersebut yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM 271,080.00.

ii. Inventori Hutan Sebelum Tebangan (Pre-F)

Aktiviti Bancian Hutan Sebelum Tebangan (Pre – F) tidak dilaksanakan bermula pada tahun 2020 berikutan keputusan Kerajaan Negeri dalam MMK Bil. 471/2020 pada 1 April 2020.

iii. Catuan Tebangan Tahunan (CTT)

Catuan Tebangan Tahunan (CTT) HSK di negeri Johor dalam Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12) bagi tempoh 2021 hingga 2025, Majlis Tanah Negara ke-77 telah meluluskan CTT bagi Negeri Johor sebanyak 13,000 hektar @ 2,600 hektar setahun. CTT merupakan keluasan kawasan Hutan Pengeluaran di dalam HSK yang boleh diusahasilkan dalam tempoh sesuatu Rancangan Malaysia. Namun, pengusahasilan HSK negeri Johor masih di dalam tempoh moratorium.

Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor (MMK) Bil. 471/2020 di mesyuaratnya pada 1 April 2020 telah membuat keputusan:

- Majlis bersetuju untuk membatalkan keseluruhan baki kawasan yang telah diluluskan oleh Lembaga Tawaran Membalak (LTM) sebelum keputusan pembekuan tersebut iaitu seluas 3,966.60 hektar (9,801.49 ekar);
- Majlis seterusnya bersetuju untuk Pihak Berkuasa Negeri memulangkan bayaran-bayaran yang telah dijelaskan oleh pihak pengusaha pembalakan yang terlibat dengan pembatalan;
- Majlis selanjutnya bersetuju untuk pihak Jabatan Perhutanan Negeri Johor meneruskan aktiviti-aktiviti pembalakan bagi 11 lesen membalak yang masih berkuat kuasa melibatkan kawasan seluas 546.92 hektar (1,351.44 ekar);
- Majlis bersetuju untuk kerajaan Negeri Johor mengekalkan pembekuan sepenuhnya kelulusan ke atas kawasan membalak dalam Hutan Simpanan Kekal; dan
- Majlis juga bersetuju untuk pihak Jabatan Perhutanan Negeri Johor memaklumkan secara rasmi kepada pihak pengusaha pembalakan yang terlibat dengan pembatalan.

iv. Pengurusan Hidrologi Hutan Paya Gambut

Negeri Johor memiliki Hutan Paya Gambut yang luas di Hutan Simpan Ayer Hitam Utara, Muar yang mempunyai sejarah berlaku kebakaran hutan yang melibatkan keluasan yang besar pada tahun 2022. Oleh yang demikian, pengurusan hidrologi seperti membina telaga tiub dan membina sekaran parit amatlah penting.

Pada tahun 2024, peruntukan sejumlah RM 100,000.00 telah diluluskan di bawah peruntukan Pembangunan, P71005 dan telah membelanjakan sebanyak RM 99,556.00 untuk menjalankan Pengurusan Hidrologi serta Pembinaan Sekatan Parit di Hutan Simpan Ayer Hitam Utara, Muar. Bagi peruntukan di bawah Pembangunan JPSM, P23, sejumlah RM 298,665.00 telah diluluskan dan telah berjaya dilaksanakan Projek Pemuliharaan Fungsi Hidrologi di Hutan Simpan Ayer Hitam Utara, Muar yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM 298,621.00.

v. Koridor Ekologi Central Forest Spine (CFS)

Koridor Ekologi Central Forest Spine (CFS) di Negeri Johor ialah rangkaian semula jadi yang diwartakan menurut Dasar Rancangan Fizikal Negara bagi menyambung semula empat kompleks hutan utama di Semenanjung Malaysia melalui rangkaian koridor utama & sekunder. Empat koridor dikenalpasti dalam pelan CFS Johor iaitu:

1. J-PL (Primary Linkage): Hutan Simpan Labis - Timur- Hutan Simpan Mersing - Hutan Simpan Lenggor Tengah;
2. J-PL (Primary Linkage): Hutan Simpan Panti - Hutan Simpan Ulu - Sedili Selatan;
3. J-SL (Secondary Linkage): Hutan Simpan Mersing - Hutan Simpan Jemaluang; dan
4. J-SL (Secondary Linkage): Hutan Simpan Panti - Hutan Simpan Kuala - Sedili.

Pada tahun 2024, peruntukan sejumlah RM 30,000.00 telah diluluskan di bawah peruntukan Pembangunan, P71005 dan telah membelanjakan sebanyak RM 29,500 untuk menjalankan Program Pemeliharaan dan Pemuliharaan Kawasan Koridor Ekologi CFS. Bagi peruntukan di bawah Pembangunan JPSM, P23, sejumlah RM 10,000.00 telah diluluskan dan telah berjaya dilaksanakan Projek Pengurusan dan Pembangunan CFS yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM 10,000.00.

C. KAJIAN RANCANGAN PENGURUSAN HUTAN NEGERI JOHOR BAGI TEMPOH 2026 HINGGA 2035

JPNJ ini telah menerima kelulusan peruntukan di bawah peruntukan Kajian Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor, P71007 sebanyak RM450,000 bagi Kajian Rancangan Pengurusan Hutan Negeri Johor 2026-2035 pada tahun 2024. Untuk makluman, kelulusan peruntukan yang diterima adalah bagi tempoh pelaksanaan projek selama 12 bulan (Oktober 2024 hingga September 2025) dengan kerjasama daripada perunding yang telah dilantik iaitu Uni-Technologies Sdn. Bhd. SEHINGGA 31 Disember 2024, sebanyak RM 121,814.87telah dibelanjakan.

Petunjuk Prestasi Jabatan

Seksyen Silvikultur dan Perlindungan

A. PROGRAM PEMBANGUNAN HUTAN ASLI

Inventori Hutan Selepas Tebangan (Post-F)

Aktiviti Bancian Hutan Selepas Tebangan (Post–F) tidak dilaksanakan bermula pada tahun 2020 berikutan keputusan Kerajaan Negeri dalam MMK Bil. 471/2020 pada 1 April 2020.

Pemulihan Kawasan Terosot

Pada tahun 2024, peruntukan sejumlah RM 215,304.00 telah diluluskan di bawah peruntukan Pembangunan, P71005 dan telah membelanjakan sebanyak RM 215,304.00 untuk menjalankan Projek Restorasi di Kawasan Terosot dalam HSK.

B. PROGRAM CEPA BERKAITAN PENGURUSAN DAN KONSERVASI HUTAN

CEPA adalah singkatan bagi Communication, Education, and Public Awareness (Komunikasi, Pendidikan, dan Kesedaran Awam). Dalam konteks pengurusan dan konservasi hutan di Negeri Johor, program CEPA merujuk kepada inisiatif untuk meningkatkan pemahaman, sokongan, dan penglibatan orang awam serta pihak berkepentingan dalam usaha melindungi dan memulihara hutan.

Pada tahun 2024, peruntukan sejumlah RM 30,000.00 telah diluluskan di bawah peruntukan Pembangunan, P71005 dan telah membelanjakan sebanyak RM 24,700 untuk menjalankan Program CEPA Berkaitan Pengurusan Dan Konservasi Hutan. Bagi peruntukan di bawah Pembangunan JPSM, P23, sejumlah RM 46,400.00 telah diluluskan dan telah berjaya dilaksanakan yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM 44,270.50.

Berikut merupakan senarai Program CEPA yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2024:

1. Program Tanaman Pokok "Kelestarian Alam : Tanggungjawab Bersama"
   Agensi/Jabatan : Southern volunteree dan penduduk Kg. Teluk Wawasan
   Lokasi : Teluk Wawasan, Batu Pahat
   Tarikh : 1/1/2024

2. Program Trans Mount Lambak Trail 2024
   Agensi/Jabatan : Syarikat Eventure Project
   Lokasi : Gunung Lambak, Kluang
   Tarikh : 9/3/2024

3. Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Negeri Johor 2024
   Agensi/Jabatan : Sekolah Tinggi Muar dan JPSM
   Lokasi : Sekolah Tinggi Muar
   Tarikh : 21/3/2024

4. Pameran Program Penghijauan Malaysia sempena Panti Bird Race Johor 2024
   Agensi/Jabatan : MNS dan Pelajar Sekolah sekitar Kota Tinggi
   Lokasi : Suaka Burung Panti, Kota Tinggi
   Tarikh : 28 – 29/4/2024

5. Pameran Program Penghijauan Malaysia sempena Environmental Health & Safety Exhibition
   Agensi/Jabatan : Hershey Malaysia
   Lokasi : Kilang Hershey Malaysia, Senai
   Tarikh : 30/4/2024

B. PROGRAM CEPA BERKAITAN PENGURUSAN DAN KONSERVASI HUTAN

6 Program Penanaman 1000 anak pokok Bakau
Agensi/Jabatan : Pejabat Daerah Muar dan orang awam (penduduk sekitar Tanjung Ketapang)
Lokasi : Tanjung Ketapang, Muar
Tarikh : 9/5/2024

7 Program Penanaman Pokok Bakau Bersama Mns Dan Touch English
Agensi/Jabatan : Malaysian Nature Society Johor ('MNS) dan pelajar SMK Pulai Jaya
Lokasi : Kpt 214, HS Sg Pulai
Tarikh : 12/5/2024

8 Program Penanaman "Seed to Tree"
Agensi/Jabatan : SK Simpang Lima Pekan Bukit Gambir dan Pertubuhan Alam Sekitar Sejahtera Malaysia (GRASS).
Lokasi : PPSPH Bukit Gambir
Tarikh : 15/5/2024

9 Program Penanaman Pokok Bakau Social Hero Foundation Care For The Evironment
Agensi/Jabatan : Malaysian Nature Society Johor ('MNS)
Lokasi : Kg Pendas Baru, Gelang Patah
Tarikh : 19/5/2024

10 Program Kelestarian Alam
Agensi/Jabatan : Taska & Tadika Darul Haqq
Lokasi : Perkarangan Taska & Tadika Darul Haqq, Kempas
Tarikh : 29/6/2024

11 Program Seed To Tree Siri Ke-3 2024
Agensi/Jabatan : Jabatan Pendidikan Negeri Johor
Lokasi : Tapak Semaian Kg. Gajah, Kluang
Tarikh : 22/7/2024

12 Program Penanaman Pokok Bakau Bersama MNS Dan NGO Johor & Melaka
Agensi/Jabatan : MNS, pertubuhan CARITAS dan Persatuan Gereja Cawangan Joho
Lokasi : Kompt 209 & 210 HS Sg Pulai
Tarikh : 28/7/2024

13 Program Johor Bersih Anjuran Kerajaan Negeri Johor
Agensi/Jabatan : Majlis Perbandaran Iskandar Puteri
Lokasi : Sungai Skudai, Johor
Tarikh : 28/8/2024

14 Program Pendakian Tujuh Puncak Daerah Batu Pahat
Agensi/Jabatan : Majlis Daerah Batu Pahat
Lokasi : Taman Eko Rimba Soga Perdana
Tarikh : 5/9/2024

15 Program Penghijauan Malaysia Sempena Majlis Perasmian Local Agenda 21, Daerah Segamat
Agensi/Jabatan : Majlis Daerah Segamat
Lokasi : Jambatan Buloh Kasap, Segamat
Tarikh : 8/9/2024

16 Program "Plant A Future Together"
Agensi/Jabatan : Topmix & Sireh Park
Lokasi : Sireh Park, Iskandar Puteri
Tarikh : 20/9/2024

B. PROGRAM CEPA BERKAITAN PENGURUSAN DAN KONSERVASI HUTAN

17 Program Pembangunan Komuniti Berasaskan Hutan Paya Laut dalam Pemuliharaan, Perlindungan dan Ketahanan untuk Menangani Perubahan Iklim di Pantai Barat Semenanjung Malaysia
Agensi/Jabatan : Pejabat Daerah Muar, Yayasan Sime Darby (YSD), Global Environment Centre (GEC), Kelab Komuniti Bakau Parit Jawa (KKBPJ) dan JPNJ
Lokasi : Laman Bakau Parit Kassim, Muar
Tarikh : 30/9/2024

18 Program Lestari Alam
Agensi/Jabatan : Pelajar dan Guru Sek Kebangsaan Pengkalan Tereh, Kluang
Lokasi : Perkarangan Sekolah Kebangsaan Pengkalan Tereh, Kluang
Tarikh : 1/10/2024

19 Program Penanaman sempena Le Tour De Langkasi
Agensi/Jabatan : Majlis Perbandaran Kulai & Kementerian Belia dan Sukan (Johor)
Lokasi : Hutan Bandar Kulai, MPKu
Tarikh : 4/10/2024

20 Program Seed to Tree Siri ke 4 - 2024
Agensi/Jabatan : JPNJ & Sekolah
Lokasi : TER Gunung Belumut, Kluang
Tarikh : 29/10/2024

21 Pameran sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Negara peringkat Negeri Johor 2024
Agensi/Jabatan : JPNJ & JAS
Lokasi : Sireh Park, Iskandar Puteri
Tarikh : 2/11/2024

22 Pameran Program Penghijauan Malaysia sempena Panti Bird Race Johor 2024
Agensi/Jabatan : JPNJ
Lokasi : TER Teluk Arong, Mersing
Tarikh : 23/11/202

23 Program Penghijauan Malaysia melalui Penanaman 100 Juta Pokok bersama Kem Mahkota Kluang (Markas 7 Briged)
Agensi/Jabatan : JPNJ & ATM
Lokasi : Kem Mahkota, Kluang
Tarikh : 24/12/2024

C. PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA: KEMPEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK

Peruntukan sejumlah RM 268,600.00 telah diluluskan di bawah peruntukan Pembangunan, P71005 dan telah membelanjakan sebanyak RM 268,600.00 untuk Aktiviti Rawatan Tanaman Program Penanaman 100 Juta Pokok. Bagi peruntukan di bawah KWPH, sejumlah RM 140,000.00 telah diluluskan dan telah berjaya dilaksanakan Perkhidmatan Rawatan Projek Tanaman Pokok Kawasan Restorasi & Penghijauan Malaysia seluas 100 hektar yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM 115,359.80.

D. PEMBANGUNAN TAPAK SEMAIAN

Pusat Pengeluaran Spesies Pokok Hutan, Bukit Gambir, Muar

Peruntukan sejumlah RM 100,00.00 telah diluluskan di bawah peruntukan KWPH dan telah membelanjakan sebanyak RM 88,162.00 untuk Menaiktaraf Pejabat, Infrastruktur dan Fasiliti Tapak Semaian Bukit Gambir (Watering System-IoT).

Tapak Semaian Kampung Gajah, Kluang

Pada tahun 2024, peruntukan sejumlah RM 250,00.00 telah diluluskan di bawah peruntukan Pembangunan, P71005 dan telah membelanjakan sebanyak RM 225,893.90 untuk Menaiktaraf Pejabat, Infrastruktur dan Fasiliti Tapak Semaian Kampung Gajah (Pintu Masuk, Jalan Masuk).

Tapak Semaian Gelang Patah, Johor Bahru

Peruntukan sejumlah RM 50,00.00 telah diluluskan di bawah peruntukan KWPH dan telah membelanjakan sebanyak RM 48,759.60 untuk Menaiktaraf Pejabat, Infastruktur dan Fasiliti Tapak Semaian Gelang Patah.

E. PROGRAM PENANAMAN POKOK BAKAU DAN SPESIES YANG SESUAI DI PESISIRAN PANTAI NEGARA

Peruntukan sejumlah RM 19,995.00 telah diluluskan di bawah peruntukan Pembangunan JPSM, P23 dan jumlah peruntukan yang diterima telah dibelanjakan sepenuhnya untuk Perolehan Anak Pokok Bakau dan Program Pembersihan Pantai dan Penanaman Pokok Sempena Program Penghijauan Malaysia di TER Teluk Arong, Mersing.

F. PROGRAM PENANAMAN POKOK BAKAU DAN SPESIES YANG SESUAI DI PESISIRAN PANTAI NEGARA

Perolehan Peralatan Memanjat Bagi Aktiviti Kutipan Biji Benih

Pada tahun 2024, peruntukan sejumlah RM 45,00.00 telah diluluskan di bawah peruntukan Pembangunan, P71005 dan telah membelanjakan sebanyak RM 44,239.00 untuk Perolehan Peralatan Memanjat bagi Aktiviti Kutipan Biji Benih. Bagi peruntukan di bawah KWPH, sejumlah RM 25,000.00 telah diluluskan dan telah berjaya dilaksanakan Perolehan Peralatan Kerja Lapangan (Kutipan Biji Benih) yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM 24,962.00.

Perolehan Bahan Tanaman, Media Tanaman, Bahan Rawatan Dan Peralatan Tapak Semaian

Peruntukan sejumlah RM 25,00.00 telah diluluskan di bawah peruntukan KWPH dan telah membelanjakan sebanyak RM 24,900.00 untuk perolehan ini.

G. PROJEK PEMBINAAN INFRASTRUKTUR DAN PEROLEHAN KELENGKAPAN KEBAKARAN HUTAN DI NEGERI JOHOR

Peruntukan sejumlah RM 168,312.00 telah diluluskan di bawah peruntukan Pembangunan JPSM, P23 dan jumlah peruntukan yang diterima telah dibelanjakan sepenuhnya untuk Projek Pembinaan Infrastruktur dan Perolehan Kelengkapan Kebakaran Hutan Di Negeri Johor. Selain itu, peruntukan sebanyak RM 181,335.00 di bawah peruntukan yang sama dan telah dibelanja sepenuhnya untuk Pembinaan Satu (1) Stor Penyimpanan Kelengkapan Pemadaman Kebakaran Hutan Gambut di HS Ayer Hitam Uatara, Muar.

H. PROJEK *SYSTEMATIC STUDY AND CONSERVATION OF NEPENTHES POPULATION IN AYER HITAM UTARA FOREST RESERVE (AHU FR), JOHOR*

JPNJ ini telah menerima kelulusan peruntukan di bawah Dana Tabung Amanah Konservasi Sumber Asli Nasional (NCTF) sebanyak RM228,900 bagi Projek "Systematic Study and Conservation of Nepenthes Population In Ayer Hitam Utara Forest Reserve (AHU FR) Johar, Malaysia" pada tahun 2023. Untuk makluman, kelulusan peruntukan yang diterima adalah bagi tempoh pelaksanaan projek selama 24 bulan (Februari 2023 hingga Jan 2025) dengan kerjasama FRIM, MARDI dan UPM. Sebanyak RM 198,803.96 telah dibelanjakan sehingga 31 Disember 2024.

Aktiviti yang telah dilaksanakan adalah :

1. Penganalisaan dan rekod DNA barcoding spesis Periuk Kera di HS AHU;
2. Kajian taburan populasi Periuk Kera di HS AHU;
3. Kajian Pengembangan dan Pemeliharaan Spesis Periuk Kera Secara In-Situ dan Ex-Situ;
4. Program Pembangunan Kompetensi Kaitangan JPNJ dan Komuniti Mukim Ayer Hitam, Muar; dan
5. Penyediaan Pelan Pengurusan dan pencetakan buku serta bahan publisiti.

Petunjuk Prestasi Jabatan

Seksyen Hutan Lipur dan Taman Negeri

A. TAMAN EKO RIMBA (TER) — 10

- TER Gunung Arong, Mersing
- TER Gunung Belumut, Kluang
- TER Gunung Pulai 1, Kulai
- TER Gunung Pulai 2, Kulai
- TER Panti, Kota Tinggi
- TER Soga Perdana, Batu Pahat
- TER Sungai Bantang, Bekok
- TER Taka Melor, Labis
- TER Teluk Arong, Mersing
- TER Sungai Temiggol, Kluang

B. HUTAN TAMAN NEGERI — 2

- Hutan Taman Negeri Ayer Hitam Utara, Muar
- Hutan Taman Negeri Gunung Arong, Mersing

C. TREK PENDAKIAN — 21

- Gunung Bekok, Segamat
- Gunung Maokil, Segamat
- Gunung Belumut, Kluang
- Gunung Chemendong, Kluang
- Gunung Gua Rimau, Kluang
- Gunung Lambak, Kluang
- Gunung Banang, Batu Pahat
- Bukit Payung, Bukit Botak & Bukit Berdiri, Batu Pahat
- Bukit Bindu, Batu Pahat
- Bukit Inas, Batu Pahat
- Bukit Soga, Batu Pahat
- Gunung Muntahak, Kota Tinggi
- Gunung Panti Barat, Kota Tinggi
- Gunung Panti Tengah, Kota Tinggi
- Gunung Pulai, Kulai
- Gunung Arong, Mersing
- Gunung Janing, Mersing
- Gunung Sumalayang, Kota Tinggi
- Batu Tenggek, Kota Tinggi
- Pelepah Kiri, Kota Tinggi
- Bukit Sisek, Kota Tinggi

D. TREK SUKAN LASAK 4X4 — 6

- Sungai Yong, Kluang – hutan Simpan Kluang
- Salor Gajah, Labis – Hutan Simpan Labis
- Sungai Karas, Labis – Hutan Simpan Labis
- Sungai Lemakoh, Mersing – Hutan Simpan Mersing
- Sungai Emas, Mersing – Hutan Simpan Mersing
- Sumalayang, Kota Tinggi – Hutan Simpan Ulu Sedili

- Sebanyak 21 Trek Pendakian yang melibatkan 13 Puncak dalam HSK Negeri Johor
- Kesemua aktiviti di dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) dikenakan Fee Permit Memasuki Hutan Simpanan Kekal iaitu
  RM10.00 seorang (Warganegara)
  RM30.00 seorang (Bukan Warganegara).
- Sebanyak enam (6) laluan Trek Sukan Lasak bagi aktiviti Pacuan Empat Roda (4x4)
- Aktiviti Sukan Lasak dikenakan Fee Permit Memasuki HSK dan caj ke atas kenderaan yang digunakan.

E. LAPORAN PENGUNJUNG TAMAN EKO RIMBA DAN HUTAN TAMAN NEGERI JOHOR

Berikut merupakan Laporan Pengunjung Taman Eko Rimba dan Hutan Taman Negeri pada tahun 2024:

TAMAN EKO-RIMBA (TER)	JUMLAH PELAWAT
Gunung Arong	356
Gunung Belumut	213,085
Gunung Pulai I	144,243
Gunung Pulai II	4,152
Panti	548
Soga Perdana	23,732
Sungai Bantang	90,051
Takah Merloh	15,893
Telok Arong	0
	JUMLAH (T) : 492,060

HUTAN TAMAN NEGERI (HTN)	JUMLAH PELAWAT
Ayer Hitam Utara	4,520
Gunung Arong	3,982
	JUMLAH (H) : 8,502
	JUMLAH KESELURUHAN (T) + (H) : 500,562

F. PROGRAM HUTAN LIPUR

Peruntukan sejumlah RM 30,000.00 telah diluluskan di bawah peruntukan KWPH dan telah dibelanjakan sepenuhnya untuk Kerja-kerja Pembekalan Peralatan Kerja Bagi TER Negeri Johor. Di bawah peruntukan yang sama juga, sejumlah RM 50,000.00 telah diluluskan dan telah berjaya dilaksanakan Kerja-kerja Penyelenggaraan Pokok Bahaya Di Kawasan di TER Negeri Johor yang juga telah dibelanjakan sepenuhnya. Selain itu, sebanyak RM 60,000.00 telah diperuntukkan untuk Penyelenggaraan Taman Eko Rimba dan Hutan Taman Negeri Johor yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM 55,000.00.

Petunjuk Prestasi Jabatan

Seksyen Industri Dan Pengusahasilan

A. PENGUSAHASILAN HUTAN

i. Pengusahasilan Hutan Darat

Aktiviti Pengusahasilan Hutan Darat di dalam HSK tidak dilaksanakan bermula pada tahun 2020 berikutan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor (MMK) Bil. 471/2020 di mesyuaratnya pada 1 April 2020.

ii. Pengusahasilan Hutan Paya Laut

Berikut merupakan senarai lesen KUP pada tahun 2024:

NO. LESEN MEMBALAK	NAMA PELESEN	KAWASAN LESEN	LUAS (HA)
JS 01/B/1/24	Perniagaan THM	Kompartmen 62, hutan simpan Sungai Pulai Mukim Tanjung Kupang, Daerah Johor Bahru seluas 9.40 Hektar (KUP Tahun 2008)	15.0
JS 01/B/2/24	Syarikat Chia Lee Hon	Kompartmen 416 A, Hutan Simpan Sungai Pulai, Daerah Johor Selatan (KUP Tahun 2008)	6.06
JS 01/B/3/24	Syarikat Mohamed Omar	Kompt. 261 B, Hutan Simpan Sungai Pulai, Daerah Johor Bahru (KUP Tahun 2008	10.50
JS 01/B/4/24	Tee Kia Enter.	Kompt. 268 B, H.Simpan Sungai Pulai, Daerah Johor Selatan (KUP Tahun 2008)	12.14
JS 01/B/5/23	Weng Soon Trading	Kompt. 454 A, H. Simpan Sungai Pulai, Daerah Johor Bahru Selatan (KUP Tahun 2008)	11.0
JS 01/B/6/23	Syarikat Soon Heng	Kompt. 158, Hutan Simpan Sungai Pulai, Daerah Johor Selatan (KUP Tahun 2008	15.17
JS 01/B/7/24	Syarikat Soon Heng	Kompt. 153 B, Hutan Simpan Sungai Pulai	10.24

B. INDUSTRI BERASAS KAYU

NAMA PELESEN	BEROPERASI	TIDAK BEROPERASI	JUMLAH BERLESEN
	A) Pemprosesan Utama		
Kilang Papan	47	14	61
Kilang Papan Bergerak	1	9	10
Kilang Papan Lapis/ Venir	5	4	9
Jumlah (A)	**53**	**27**	**80**
	B) Pemprosesan Hiliran		
Kilang Kayu Kumai	8	1	19
Kilang Perabot	62	15	77
Kilang Kerja Kayu	77	21	98
Kilang Kotak Kayu, Pallet	49	24	73
Kilang Papan Serpai	7	0	7
Kilang Lantai Parket	1	0	2
Kilang Papan Wafer/ Flake	0	3	3
Kilang Rotan	1	0	3
Loji Pengawetan Kayu	1	1	2
Loji Hidrolisis Kayu	3	0	3
Loji Briket	1	0	1
Loji Cebisan Kayu	1	0	1
Tanur Arang	14	2	16
Jumlah (B)	**225**	**67**	**305**
Jumlah Keseluruhan	**278**	**94**	**372**

A. OPERASI PENGUATKUASAAN BERSEPADU

Pada tahun 2024, peruntukan sejumlah RM 391,90.10 telah diluluskan di bawah peruntukan Pembangunan, P71005 dan telah dibelanjakan sepenuhnya untuk Kerja-Kerja Membina Pagar Berpalang (Boom Gate) di Pintu Masuk ke Hutan Simpan Negeri Johor Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya. Selain itu, di bawah peruntukan yang sama juga, sejumlah RM 200,000.00 telah diluluskan dan telah berjaya dilaksanakan aktiviti Operasi dan Penguatkuasaan yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM 184,000.00.

B. AKTIVITI PEMANTAUAN & PENGUATKUASAAN HUTAN

Berikut merupakan Laporan Pengunjung Taman Eko Rimba Negeri dan Hutan Taman Negeri pada tahun 2024:

Aktiviti Pemantauan & Penguatkuasaan	PEJABAT					JUMLAH
	PHN	PHDJT	PHDJU	PHDJS	PHDJH	
Darat	118	228	471	564	470	**1851**
Udara	3	0	0	6	0	**9**
Air	5	0	0	75	0	**80**
Kawasan Lesen	12	40	9	75	18	**154**
Permit Penggunaan	16	115	36	76	196	**439**
Industri Berasas kayu (IBK)	12	38	180	450	1188	**1868**
Balai Pemeriksa Hutan	2	23	0	29	14	**68**
Transit	7	2	0	0	0	**9**
Jumlah	**175**	**446**	**696**	**1275**	**1886**	**4478**

Nota:
PHN: Pejabat Hutan Negeri
PHDJT: Pejabat Hutan Daerah Johor Timur
PHDJU: Pejabat Hutan Daerah Johor Utara
PHDJS: Pejabat Hutan Daerah Johor Selatan
PHDJH: Pejabat Hutan Daerah Johor Tengah

Petunjuk Prestasi Jabatan

Seksyen Penguatkuasaan Dan Siasatan

A. BILANGAN KERTAS SIASATAN

Berikut merupakan bilangan kertas siasatan sepanjang tahun 2024:

HUTAN SIMPANAN KEKAL

11

TRANSIT

2



TANAH KERAJAAN

1

INDUSTRI BERASAS KAYU


0

JUMLAH : 14

B. STATISTIK KESALAHAN HUTAN

14	2	6	5	1
JUMLAH KES	KES SELESAI	KES DALAM SIASATAN	KES RUJUK TPR	PERBICARAAN MAHKAMAH

FAIL MAHKAMAH



"Dunia ini cukup untuk memenuhi keperluan manusia, bukan untuk memenuhi keserakahan manusia."

- Mahatma Gandhi

Fail Mahkamah

Kompaun dan Ganti Rugi

Sepanjang tahun 2024, JPN Johor telah mengutip kompaun sebanyak RM25,000.00 bagi empat (4) kesalahan hutan di bawah seksyen 68(1) dan 32(1) manakala Ganti rugi sebanyak RM 37,472.00.

No. Kertas Siasatan : J01/01/2024

Kes kesalahan hutan di Kompartmen 45 Hutan Simpan Panti yang berjaya didakwa di mahkamah melibatkan kes pembalakan haram di bawah Seksyen 15 APN 1985. Sebanyak 3 OKT telah ditangkap semasa operasi serbuan dimana 3 tual kayu chengal dan 123 kayu sedia dirampas oleh Jabatan. Semua OKT telah dituduh dan dibicarakan di Mahkamah Tinggi Kota Tinggi dan dijatuhkan hukuman penjara satu (1) tahun dan denda masing-masing RM10,000.

Statistik Kes Kesalahan Hutan

Sepanjang tahun 2024, Jabatan ini telah merekodkan beberapa kes kesalahan hutan melibatkan beberapa kesalahan di bawah seksyen 15(1) Pembalakan haram sebanyak 3 kes, seksyen 68(1) berkaitan kesalahan transit sebanyak 2 kes, seksyen 47(1) berkaitan kesalahan memasuki Hutan Simpanan Kekal tanpa permit yang sah sebanyak 4 kes, seksyen 81(d) dan 81(g) masing-masing 1 kes melibatkan kesalahan bagi perbuatan-perbuatan yang dilarang di dalam Hutan Simpanan Kekal dan seksyen 32(1) berkaitan kesalahan menduduki dan menjalankan aktiviti dalam Hutan Simpanan Kekal sebanyak 3 kes.

ARTIKEL

"Satu-satunya cara untuk melakukan pekerjaan yang hebat adalah dengan mencintai apa yang kamu lakukan.""

- Steve Jobs



ARTIKEL 1
LAWATAN ILMIAH JABATAN PERHUTANAN NEGERI KE KUCHING, SARAWAK

Disediakan oleh:
Puan Nurul Izati binti Wagimin
Penolong Pemeliharaan Hutan (Perancangan dan Pensijilan Hutan)

SARAWAK, 23-27 Jun 2024 - Jabatan Perhutanan Negeri Johor telah mengadakan lawatan ilmiah ke Kuching, Sarawak bermula pada 23 hingga 27 Jun 2024. Lawatan ini telah disertai seramai 24 orang pegawai dan kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Johor daripada pelbagai gred yang diketuai oleh YBhg. Dato' Haji Salim bin Aman, Pengarah Perhutanan Negeri Johor. Juga turut serta seorang wakil dari Bahagian Perancangan dan Ekonomi Negeri (BPEN), Puan Nurfarahin binti Zahariddin dan seorang wakil dari Pejabat Menteri Besar Johor, Encik Muhammad Hafizuddin bin Mohd Faisal. Lawatan ini bertujuan untuk membuat observasi dan pengumpulan maklumat berkaitan dengan pengurusan hutan secara berkekalan melalui perancangan projek karbon hutan, pengurusan kawasan perlindungan, mengintegrasikan ekopelancongan dan cara menangani perubahan iklim dengan mempromosikan produk hijau bagi mencapai kelestarian alam sekitar.





Pada hari kedua, lawatan telah dimulakan dengan satu sesi kunjung hormat bersama Pengarah Hutan Sarawak, Datu Hamden Bin Haji Mohammad di Ibu Pejabat Jabatan Hutan Sarawak. Seterusnya, Jabatan Hutan Sarawak telah menyampaikan Taklimat Berkenaan Pembangunan Kredit Karbon Hutan Sarawak bagi memberi penerangan lanjut tentang inisiatif berkaitan pasaran karbon yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Hutan Sarawak. Seterusnya, lawatan diteruskan ke Sarawak Tropical Peat Research Institute, Kota Samarahan (Sarawak TROPI) bagi mendapatkan perkongsian mengenai hasil penyelidikan dan kajian saintifik yang telah dilaksanakan oleh pihak Sarawak TROPI untuk pengurusan dan konservasi kawasan hutan paya gambut di negeri Sarawak melalui taklimat dan lawatan ke makmal penyelidikan mereka.





Kemudian, pada hari ketiga lawatan ini telah berkunjung ke Sarawak Biodiversity Centre (SBC) yang merupakan sebuah agensi Sarawak yang diamanahkan untuk memulakan penyelidikan dan pembangunan bioteknologi yang intensif berdasarkan sumber-sumber biologi Negara terutamanya yang telah digunakan oleh komuniti pribumi dan untuk memudahkan dokumentasi pengetahuan tradisional yang semakin hilang dengan cepat dari komuniti pribumi mengenai penggunaan sumber-sumber biologi. Di sini, kami telah diiringi oleh Puan Arlene Alicia Anak Toaiang, Pengawai Penyelidik yang telah banyak memberi pendedahan kepada peserta lawatan dengan 'Litsara Traditional Wisdom Tour'. Ianya secara tidak langsung dapat memperkenalkan peserta kepada kebijaksanaan tradisional yang dimiliki oleh masyarakat adat atau suku yang tinggal di sekitar kawasan Sarawak tentang penggunaan tumbuhan ubat tradisional, kepercayaan spiritual, praktik kehidupan sehari-hari, serta kearifan lokal lainnya yang telah diwariskan dari generasi ke generasi. Setelah itu, lawatan diteruskan dengan kunjungan ke Semenggoh Wildlife Centre, Kuching. Lawatan ini telah disambut dan diiringi oleh Encik Asraff bin Julaihi Khan, Kuching Region Officer. Sepanjang lawatan ini, Encik Asraff telah berkongsi mengenai konsep penubuhan, pengurusan dan pengoperasian pusat hidupan liar tersebut.





Pada hari keempat pula, lawatan telah dimulakan dengan kunjungan ke Galeri Sarawak Delta Geopark yang terletak berhampiran dengan Taman Budaya Kuching. Galeri ini dibawah seliaan bersama antara dua agensi iaitu Sarawak Forestry Corporation dan Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) Sarawak. Satu taklimat ringkas telah disampaikan oleh pegawai JMG Sarawak berkenaan dengan Sarawak Delta Geopark. Kemudian, lawatan diteruskan ke Taman Budaya Sarawak iaitu sebuah muzium hidup yang memaparkan pelbagai budaya dan gaya hidup dari pelbagai etnik di Sarawak, termasuk komuniti Iban, Bidayuh, Orang Ulu, Penan, Melanau, Melayu, dan Cina. Beberapa tarikan utama di Taman Budaya Sarawak termasuk Rumah Tradisional, Persembahan Budaya, Kraftangan dan Demonstrasi.

Pada hari yang terakhir, para peserta lawatan telah memulakan perjalanan pulang dengan bergerak daripada ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching dan berlepas ke Lapangan Terbang Antarabangsa Senai. Lawatan ilmiah yang dirangka untuk untuk membuat observasi dan pengumpulan maklumat berkaitan dengan pengurusan hutan secara berkekalan melalui perancangan projek karbon hutan, pengurusan kawasan perlindungan, mengintegrasikan ekopelancongan dan cara menangani perubahan iklim dengan mempromosikan produk hijau bagi mencapai kelestarian alam sekitar dapat memperkasakan lagi pengetahuan dan kemahiran pengurusan dalam kalangan pegawai dan kakitangan Jabatan selaras dengan pepatah melayu yang mengatakan "Jauh Perjalanan Luas Pengetahuan". Justeru, lawatan ini diharapkan mampu memberi impak yang besar kepada Jabatan Perhutanan Negeri Johor dan Negeri pada amnya.

ARTIKEL 2
PROGRAM PEMERKASAAN EKOPELANCONGAN DI NEGERI JOHOR

Disediakan oleh:
Puan Asfaezzah binti Ab Karim
Penolong Pengarah (Hutan Lipur)






JOHOR, 2024 - Dalam usaha memperkukuh sektor pelancongan hijau dan lestari, Jabatan Perhutanan Negeri Johor terus komited melaksanakan pelbagai inisiatif melalui Program Pemerkasaan Ekopelancongan Negeri Johor. Program ini dirangka untuk meningkatkan nilai sosioekonomi komuniti setempat, memelihara biodiversiti, dan mempromosikan Johor sebagai destinasi ekopelancongan unggul di Malaysia. Antara program yang telah diilaksanakan oleh JPNJ adalah Program Larian Trans Mount Lambak Trail 2024 (TMLT 2024) dan Program Johor Merdeka Hike 2024 (JMH 2024).



Program TMLT 2024 telah diadakan pada 9 Mac 2024 di dalam kawasan Hutan Simpan Renggam, Kluang. Peserta memulakan larian daripada Dataran Tempat Letak Kenderaan Gunung Lambak Resort, Kluang. Seterusnya mendaki ke puncak Gunung Lambak dengan ketinggian 510 meter a.p.l dan berpatah balik ke lokasi permulaan larian. Program ini juga dimeriahkan dengan pameran bertemakan "Pengembaraan Hutan" (Jungle Journey) oleh Jabatan Perhutanan Negeri Johor yang bertujuan meningkatkan kesedaran kepentingan dan kecintaan kepada hutan dan alam sekitar di samping mempromosikan kawasan Hutan Simpan Kekal sebagai destinasi ekopelancongan utama khususnya di daerah Kluang. Disamping Jabatan Perhutanan Negeri Johor, pameran ini telah disertai oleh Pejabat Tanah Daerah Kluang (Tema: Pengurusan Cukai Pelbagai) dan Jabatan Perangkaan Daerah Kluang (Tema: Pangkalan Data Utama - PADU) yang melibatkan penerangan dan taklimat dari pegawai-pegawai agensi yang terlibat.









PERHATIAN
TRANS MOUNT LAMBAK TRAIL 2024


MELETAKKAN KENDERAAN
ANDA ATAS RISIKO SENDIRI
PARK AT YOUR OWN RISK


START / FINISH
EVENTURE PROJECTS







Pada 31 Ogos 2024, JPNJ dengan kerjasama Isrec Adventure dan Persatuan Malim Gunung Perhutanan Johor (PMGPJ) telah menganjurkan JMH 2024 yang melibatkan enam (6) lokasi pendakian iaitu Gunung Bekok, Gunung Maokil, Gunung Belumut, Gunung Panti Barat, Gunung Muntahak dan Gunung Arong. Seramai 315 orang dan 47 Malim Gunung Perhutanan Johor telah terlibat sepanjang program ini berlangsung. Timbalan Pengarah (Operasi) JPNJ, Encik Mohd Izani bin Abdullah telah menyempurnakan sesi flag-off utama bagi program ini di Taman Eko Rimba (TER) Sungai Bantang, Segamat kepada 40 pendaki Gunung Bekok. Seramai 78 pendaki Gunung Arong turut membantu pembersihan trek pendakian Gunung Arong dan kawasan berhampiran bagi menjaga kelestarian alam serta memupuk semangat cinta akan negara. Program Johor Merdeka Hike 2024 ini untuk menarik minat pendaki daripada pelbagai bangsa menghayati erti kemerdekaan negara Malaysia disamping menikmati flora, fauna dan keindahan alam semulajadi yang terdapat di dalam negeri Johor. Keunikan program ini, para pendaki mengibarkan Jalur Gemilang sejurus tiba di puncak gunung sebagai simbolik menyambut Hari Kemerdekaan Ke-67.



ARTIKEL 3
PROGRAM TRANS QJM GUNUNG PULAI ULTRA 2024

Disediakan oleh:
Encik Ahmad Meisery bin Abdul Hakim Amir
Pegawai Hutan Daerah (Johor Selatan)

KULAI, 22 Jun 2024 - Trans QJM Gunung Pulai Ultra 2024 merupakan program larian denai dalam kawasan hutan iaitu di Taman Eko Rimba Gunung Pulai, Daerah Kulai, Johor. Program larian denai yang julung kalinya diadakan dalam Daerah Kulai ini merupakan anjuran bersama Jabatan Perhutanan Negeri Johor, Mountain Goat Events, Kelab Aktiviti Luar Ribuan Kembara Negeri Johor dan Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) sempena dengan sambutan ke-20 tahun MPKu.







Program ini melibatkan empat (4) kategori larian iaitu Gunung Pulai Vertical Run (10 km), Trans Q (20 km), Trans QJM Pro (30 km) dan Trans QJM Ultra (50 km) yang terbuka kepada empat (4) kategori iaitu Lelaki Terbuka, Perempuan Terbuka, Lelaki Veteran Terbuka, Perempuan Veteran Terbuka dan satu (1) pengiktirafan kategori Golden Veteran kepada peserta yang berumur melebihi 60 tahun.

Penganjuran program bertaraf antarabangsa ini melibatkan penyertaan seramai 1,064 orang peserta yang terdiri daripada 841 peserta warganegara Malaysia dan 223 orang peserta luar negara iaitu Australia, Hungary, India, China, Netherlands, New Zealand, United Kingdom, Amerika Syarikat, Jepun, Indonesia dan Singapura.

Penganjuran program larian ini bertujuan membantu mempromosikan produk dan program ekopelancongan Negeri Johor khususnya Daerah Kulai iaitu Taman Eko Rimba Gunung Pulai dan dalam masa yang sama dapat memberi peluang beriadah di kawasan hutan semulajadi serta dapat memupuk gaya hidup sihat yang melibatkan pelbagai peringkat umur, bangsa dan agama. Secara tidak langsung juga berupaya meningkatkan sosio-ekonomi masyarakat setempat.

Jabatan Perhutanan Negeri Johor merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yg terlibat, khususnya Kerajaan Negeri Johor melalui Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor atas sokongan dan kerjasama dalam penganjuran program ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga kepada penganjur bersama iaitu Mountain Goat Events, MPKu serta agensi yang berkaitan iaitu Pejabat Daerah Kulai, Pejabat Tanah Daerah Kulai, Tourism Johor, Pejabat Jurutera Daerah Kulai, Pejabat Kadi Daerah Kulai, Ibu Pejabat Polis Daerah Kulai, Balai Bomba dan Penyelamat Daerah Kulai, Pejabat Kesihatan Daerah Kulai, Sekawan KOOP, Ketua Kampung Sri Gunung Pulai, Otternest Camp serta semua yang terlibat dalam menjayakan program ini. Pihak penganjur juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua peserta yang menyertai Trans QJM Gunung Pulai Ultra 2024.

ARTIKEL 4
MAJLIS SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA TAHUN

Disediakan oleh:
Puan Norliza binti Md
Penolong Pengarah (Silvikultur dan Perlindungan Hutan)



MUAR, 21 Mac 2024 - Jabatan Perhutanan Negeri Johor (JPNJ) telah mengadakan Majlis Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Tahun 2024 di Sekolah Tinggi Muar pada 21 Mac 2024 bertemakan "Hutan dan Inovasi: Ke Arah Solusi Yang Lebih Baik (Forests and Innovation: New solutions for a better world)". Tema ini menekankan kepentingan inovasi dalam perhutanan untuk mengatasi cabaran alam sekitar global dan memelihara hutan untuk generasi akan datang melalui gabungan teknologi, sains dan penyertaan masyarakat.



Majlis ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM). Sesi lawatan ke pameran JPNJ dan sekitar sekolah turut diadakan. Dua (2) pokok Salam (Syzygium polyanthum) telah ditanam bagi menyerikan dan menyempurnakan lagi majlis pada hari ini. Turut dihadiri oleh YBhg Dato' Hj Zahari bin Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (Dasar dan Perancangan) JPSM, YBhg Dato' Mohd Rahim bin Rani, Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan (Operasi dan Teknikal) JPSM, YBhg. Dato' Haji Salim bin Aman, Pengarah JPNJ, YBrs Tuan Hj Hasrin Kamal bin Hashim, Pegawai Daerah Muar, Pengarah-pengarah Bahagian Ibu Pejabat JPSM, Pengarah-Pengarah Negeri, pegawai-pegawai kanan dan para pelajar.









JPNJ mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada YBrs. Tuan Mohd Sulaiman bin Ahmad, Pengetua Sekolah Tinggi Muar diatas sokongan bagi menyambut Hari Hutan Antarabangsa ini. Marilah kita sama-sama berusaha dan berganding bahu untuk memelihara dan memulihara khazanah hutan negara ini.

ARTIKEL 5
PROGRAM PANTI BIRD RACE JOHOR 2024

Disediakan oleh:
Puan Syaza Syahirah binti Nordin
Penolong Pemelihara Hutan (Silvikultur dan Perlindungan Hutan)



KOTA TINGGI, 27 April 2024 - Panti Bird Race Johor 2024 (PBRJ 2024) telah dianjurkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Johor bersama Persatuan Pencinta Alam Malaysia (Malaysia Nature Society (MNS)) dengan sokongan dan kerjasama Birdlife International, Nature Society Singapore dan Pertubuhan Kelestarian Ekosistem Alam (NEST) telah berlangsung pada 27 dan 28 April 2024 di Suaka Burung Panti Hutan Simpan Panti, Kota Tinggi, Johor. Objektif program ini bagi menjadikan Suaka Burung Panti sebagai salah satu destinasi pelancongan Eco-Tourism atau Avi-Tourism kepada semua peminat spesies burung tempatan mahupu n dari luar negara.

Acara pelepasan peserta (flag-off) telah disempurnakan oleh YBhg Tuan Haji Ahmad Nazir bin Haji Mohd Nasir, Pegawai Daerah Kota Tinggi, Pejabat Daerah Kota Tinggi pada jam 10:00 pagi. Penganjuran Panti Bird Race Johor 2024 merupakan pertandingan rasmi yang terbuka kepada penyertaan kepada peminat-peminat burung dalam dan luar negara. Pertandingan kali ini telah berjaya menarik penyertaan seramai 117 peserta dari dalam dan luar negara yang melibatkan tiga (3) kategori yang dipertandingkan iaitu Novice Bird Race, Advance Bird Race dan Photo Race. Seramai 43 orang adalah peserta luar negara telah menyertai program ini seperti Singapura dan India.

Hari Terbuka Suaka Burung Panti turut diadakan bersempena dengan penganjuran Panti Bird Race Johor 2024, melibatkan penyertaan di kalangan pelajar-pelajar sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang mengambil bahagian dalam acara karnival seperti treasure hunt, nature walk, seed to tree, nature talk, pameran, kuiz dan pertandingan mewarna. Pertandingan mewarna yang melibatkan seramai 32 orang pelajar sekolah kebangsaan dengan penglibatan daripada lapan (8) buah sekolah dalam daerah Kota Tinggi seperti Sekolah Kebangsaan Mawai, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) New Kota, Sekolah Kebangsaan Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Jalan Tajul dan lain-lain. Turut diadakan sesi penyampaian hadiah pertandingan mewarna kepada pemenang dan pemenang berjaya membawa pulang hadiah hamper dan sijil.





Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah Panti Bird Race Johor 2024 telah berlangsung pada 28 April 2024 dan majlis ini telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Tuan Ling Tian Soon pada 28 April 2024 bertempat di Suaka Burung Panti dan diiringi oleh YBhg Dato' Haji Salim bin Aman, Pengarah Perhutanan Negeri Johor, Jabatan Perhutanan Negeri Johor, YBhg Tuan Syed Norul Shahril Bin Syed Nasir, Pentadbir Tanah Kota Tinggi, Pejabat Tanah dan Galian Daerah Kota Tinggi, YBrs. En. Vincent Chow, Presiden Malaysian Nature Society (MNS) dan YBrs Tuan Hairulazim bin Mahmud, Pengurus Besar, Malaysian Palm Oil Green Conservation Foundation (MPOGCF).





Sebanyak lima (5) kumpulan terdiri daripada 17 orang peserta telah mendaftarkan diri menyertai Treasure Hunt bagi memberi peluang kepada peserta untuk mendalami keunikan flora dan fauna yang terdapat dalam Hutan Simpan Panti dengan menghabiskan cabaran dalam masa 3 jam dan 10 checkpoints. Kelima-lima kumpulan ini berjaya membawa hadiah yang dipertandingkan.





Seramai 15 kumpulan telah memenangi hadiah yang dipertandingkan bagi Panti Bird Race Johor 2024. Juara bagi kategori Photo Bird Race sebanyak 30 spesis berjaya direkodkan, kategori Novice Bird Race sebanyak 50 spesis dan pemenang bagi Advance Bird Race berjaya mencatat 81 spesis burung dalam PBRJ 2024.

Jabatan Perhutanan Negeri Johor mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada agensi Kerajaan, persatuan, sekolah-sekolah dan semua yang terlibat dalam memberi kerjasama erat dalam melaksanakan PBRJ 2024. Semoga dengan adanya program Panti Bird Race Johor ini dilihat sebagai pemangkin yang berkesan ke arah mempertingkatkan sosio-ekonomi penduduk di sekitar Daerah Kota Tinggi dalam sektor pelancongan seperti inap desa, pelancongan makanan dan pelancongan alam semula jadi.



ARTIKEL 6
EKSPEDISI SAINTIFIK KEPELBAGAIAN BIOLOGI HUTAN, HUTAN SIMPAN GUNUNG ARONG, MERSING

Disediakan oleh:
Tuan Haji Hazlan bin Alias
Penolong Pemelihara Hutan Kanan (Silvikultur dan Perlindungan Hutan)



MERSING, September 2024 - Jabatan Perhutanan Negeri Johor (JPNJ) anjuran bersama Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Pejabat Daerah Mersing, Global Environment Centre (GEC) dan Tabung Haji Plantations akan menganjurkan Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan, Hutan Simpan Gunung Arong, Mersing, Johor pada 17 – 21 September 2024. Objektif penganjuran ekspedisi adalah untuk mengumpul maklumat kepelbagaian biologi khususnya kawasan Hutan Simpan Gunung Arong yang merangkumi lima (5) strata hutan iaitu Hutan Tanah Pamah, Hutan Paya Laut, Hutan Paya Gambut, Hutan Kerangas dan Hutan Paya Air Tawar dengan ketinggian puncak Gunung Arong 240 meter daripada aras paras laut.



Ekspedisi saintifik ini diberi jemputan kepada penyelidik dan pengkaji yang terlibat sahaja bagi menghasilkan penemuan saintifik yang terdapat di dalam Hutan Simpan Gunung Arong, Mersing. Penyertaan tidak terbuka kepada umum atau orang awam. Majlis Perasmian Penutup Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan, Hutan Simpan Gunung Arong telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Jamil Hasni Bin Abdullah, Pegawai Daerah Mesing pada 21 September 2024 bertempat di Maktab Rendah Sains MARA, Mersing. Objektif penganjuran ekspedisi adalah mengumpul dan merekodkan maklumat kepelbagaian biologi, mengesahkan status strata hutan dan Menentusahkan status permatang kuarza yang terdapat di dalam Hutan Simpan Gunung Arong.

Sebanyak tujuh (7) skop bidang kajian yang diketengahkan sepanjang ekspedisi ini berlangsung iaitu bidang kajian flora, fauna, sosial, geologi, hidrologi, rekreasi dan alam sekitar. Para penyelidik telah berkongsi ilmu dan hasil penemuan selama tiga (3) hari di dalam ekspedisi ini. Ekspedisi ini mengesahkan kewujudan kelima-lima strata hutan iaitu Hutan Dipterokap Pamah, Hutan Kerangas, Hutan Paya Gambut, Hutan Paya Laut dan Hutan Paya Air Tawar. Penemuan sebanyak empat (4) spesis kulat makro (*macrofungi*) iaitu *Craterellus sp., Hericium sp., Hydnum sp.,* dan *Crocinoboletus sp.* yang berkemungkinan spesis baru. Melalui kajian kulat makro juga, *Pisolithus aurantioscabrosus* dan *Microporus cameohrniger* banyak ditemui di Hutan Simpan Arong. Dua (2) spesis anura iaitu *Ingerophrynus sp.* (Kodok) dan *Microhyla sp.* (Katak) telah ditemui melalui kajian herpetofauna. Selain itu, pengesahan permatang kuarza juga telah disahkan di dalam ekspedisi kali ini. Sekurang-kurangnya 32 spesis lumut telah dijumpai dan *Papillidiopsis bruchii* merupakan satu spesis yang sangat menarik yang berjaya ditemui.






ARTIKEL 7
PROGRAM KARNIVAL GUNUNG ARONG CHALLENGE 2024 (GAC 2024)

Disediakan oleh:
Encik Mohd Reydzuan bin Yong
Pegawai Hutan Daerah (Johor Timur)



MERSING, 23 November 2024 – Di samping penganjuran program Gunung Arong Challenge 2024 (GAC 2024), Jabatan Perhutanan Negeri Johor turut mengadakan Karnival Gunung Arong Challenge 2024 yang meliputi aktiviti Pertandingan Mewarna; Pertandingan Sukan Rakyat; dan Pameran. Aktiviti pameran dalam Karnival Gunung Arong Challenge 2024 bertujuan meningkatkan kesedaran alam sekitar, biodiversiti flora dan fauna daripada peringkat awal persekolahan.

Aktiviti Pertandingan Mewarna dan Pertandingan Sukan Rakyat (Permainan Belon Acar/Galah Panjang dan Permainan Baling Selipar) terdiri daripada penyertaan pelajar-pelajar Tabika dan Sekolah Kebangsaan yang berada di sekitar Daerah Mersing. Aktiviti ini melibatkan seramai 50 orang pelajar Sekolah Kebangsaan seperti Sekolah Kebangsaan Tanjung Resang, Sekolah Kebangsaan Sawah Dato', Sekolah Kebangsaan Tenglu, Sekolah Kebangsaan Teriang dan Sekolah Kebangsaan Penyabong.

Di samping itu, aktiviti pameran terdiri dari pempamer-pempamer pelbagai agensi iaitu United Nations Development Programme (UNDP) Malaysia, Singapore dan Brunei Darussalam, Mersing Tourism Association (MTA), Jabatan Perikanan Negeri Johor, Pusat Penyelidikan Ekosistem Marin (EKOMAR), Global Environment Center (GEC), Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) Johor, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) Johor dan Jabatan Perhutanan Negeri Johor sendiri.







Majlis penyampaian hadiah kepada pemenang-pemenang Pertandingan Mewarna dan Pertandingan Sukan Rakyat (Permainan Belon Acar/Galah Panjang dan Permainan Baling Selipar) turut disempurnakan oleh YBrs Tuan Haji Jamil Hasni bin Abdullah, Pegawai Daerah Mersing diiringi YBrs Encik Mohd Syahrir Azrin bin Salleh, Timbalan Pengarah Perhutanan (Pembangunan), Jabatan Perhutanan Negeri Johor, Mr Vince Yeo, Mountain Goats Event pada jam 12:00 tengahari.


JPNJ mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang terlibat bagi menjayakan program GAC 2024 bersama Karnival GAC 2024 ini. Diharapkan program dan kerjasama seperti ini dapat diteruskan pada masa akan datang agar Daerah Mersing ini dapat dipromosikan menjadi salah satu destinasi eko-pelancongan popular bagi Negeri Johor.

ARTIKEL 8
OPERASI MENCARI DAN MENYELAMAT (SAR) ORANG SESAT DI HUTAN SINPAN GUNUNG PULAI DAN TINDAKAN PENGUATKUASAAN PENCEROBOHAN HUTAN SIMPANAN KEKAL

Disediakan oleh:
Encik Sylvester Usah
Penolong Pengarah (Risikan dan Penguatkuasaan)

KULAI, 16 November 2024 – Seorang lelaki yang merupakan warganegara Malaysia telah mendapati dirinya sesat ketika dalam perjalanan turun dari Gunung Pulai melalui trek Hutan Pelajaran. Laporan telah dibuat sendiri oleh mangsa yang memaklumkan menerusi telefon bahawa mereka tersesat dan tidak mejumpai jalan pulang.
Mangsa yang pada awalnya telah mendaki melalui trek jalan tar yang kemudian telah memasuki kawasan tertutup iaitu Trek Hutan Pelajaran tanpa permit memasuki hutan serta Malim Gunung Perhutanan (MGP). Akibat daripada itu, mangsa telah tersesat dan tidak menemui jalan keluar.

Aduan telah diterima oleh IPD Kulai pada jam 1.15 tengah hari. Operasi Mencari dan Menyelamat (SAR) mangsa dilaksanakan serta merta pada jam 3.00 petang bagi mengesan mangsa di kawasan berkenaan melibatkan Pejabat Hutan Daerah Johor Selatan, Anggota PDRM Balai Polis Kulai, Jabatan Bomba dan Penyelamat Kulai. Mangsa telah berjaya ditemui pada jam 3.45 petang di dalam Hutan Simpan Gunung Pulai. Kesemua mangsa telah dibawa keluar dengan kawalan PDRM dan terus dibawa ke Balai Polis bagi siasatan lanjut. Keadaan mangsa didapati sihat tanpa sebarang kenderaan yang serius. Mangsa kemudiannya telah dibebaskan dengan jaminan polis selepas rakaman percakapan di ambil.







PERISTIWA PENTING

"Pengorbanan sekarang untuk kesenangan generasi masa depan."

- Tun Dr. Mahathir Mohamad








PANTI
BIRD
RACE
JOHOR 2024

Program Penghijauan Malaysia,
Kempen Penanaman 100 Juta Pokok
"Kelestarian Alam : Tanggungjawab Bersama"
Tarikh: 1 Januari 2024
Tempat: Pantai Teluk Wawasan, Mukim Bagan, Batu Pahat










Ekopelancongan : Shaping The Livable Nature 6.0
Tarikh: 13 Januari 2024
Tempat: Hutan Taman Negeri
Ayer Hitam Utara, Muar










Kunjungan Yang Berhormat Tuan Ling Tian Soon Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan Dan Alam Sekitar Negeri Johor Ke Jabatan Perhutanan Negeri Johor
Tarikh : 29 Febuari 2024
Tempat: Bilik Gerakan, Jabatan Perhutanan Negeri Johor









Kejohanan Bola Sepak Piala Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia
Tarikh: 1-3 Mac 2024
Tempat: Padang Bola Sepak UPM Serdang, Selangor dan Negeri Johor









Lawatan Lapangan Bagi Tujuan Eksplorasi Kerjasama Dalam Pembangunan Projek Karbon
Tarikh: 5-6 Mac 2024
Tempat: TER Telok Arong, Mersing















Program Trans Mount Lambak Trail 2024
(TMTL 2024)
Tarikh: 9 Mac 2024
Tempat: Gunung Lambak, Kluang
















Lawatan Kerja Sempena Sambutan
Hari Hutan Antarabangsa 2024
Tarikh: 10 Mac 2024
Tempat: Sekolah Tinggi Muar dan Laman Bakau Parit Kassim, Muar

















Pameran Jabatan Perhutanan Negeri Johor Sempena Pameran Pelancongan "Malaysia International Travel Fair"
Tarikh: 15-17 Mac 2024
Tempat: Sutera Mall, Johor Bahru











Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Mengenai Perancangan
Dan Perlaksanaan Penanaman Pokok Bakau
Dan Spesis Persisiran Pantai (Jtpp) Bil. 1/2014
Serta Lawatan Kerja Laman Bakau Parit Kassim
Tarikh: 20 Mac 2024
Tempat: Laman Bakau Parit Kassim, Muar









Program Ihya' Ramadhan Tahun 2024/1445h
Tarikh: 20 Mac 2024
Tempat: Desa Eco Keroma Resort, Muar













Majlis Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Tahun 2024
Tarikh: 21 Mac 2024
Tempat: Sekolah Tinggi, Muar













Panti Bird Race Johor (PBRJ) 2024
Tarikh: 27 April 2024
Tempat: Suaka Burung Panti, Hutan Simpan Panti, Kota Tinggi





















Sambutan Aidilfitri Jabatan Perhutanan Negeri Johor 2024
Tarikh: 25 April 2025
Tempat: Hutan Simpan Gunung Arong













Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah Panti Bird Race Johor (PBRJ) 2024
Tarikh: 28 April 2024
Tempat: Suaka Burung Panti, Hutan Simpan Panti, Kota Tinggi









Taklimat Berkenaan Projek Karbon Hutan di Negeri Johor Bersama
YB Exco Kesihatan Dan Alam Sekitar
Tarikh: 13 Mei 2024
Tempat: Bilik Gerakan, Jabatan Perhutanan Negeri Johor







Program Seed To Tree Sempena Program Penghijauan Malayisa :
Kempen 100 Juta Pokok Siri Kedua Tahun 2024
Tarikh: 15 Mei 2024
Tempat: Sekolah Kebangsaan Simpang Lima Pekan,
Bukit Gambir, Tangkak
















Sambutan Minggu Perpaduan Negara Tahun 2024
Tarikh: 23 Mei 2024 – 26 Mei 2024
Tempat: Padang Angsana Johor Bahru Mall, Johor Bahru










Program 4x4 Adventure @ Salor Gajah
Tarikh: 3 Jun 2024
Tempat: Kem Salor Gajah, Hutan Simpan Labis, Segamat















Tinjauan Kawasan Aduan Pencemaran Bau
Tarikh: 7 Jun 2024
Tempat: Kampung Melayu Wawasan, Gelang Patah









Tanggungjawab Sosial (CSR)
Tarikh: 7 Jun 2024
Tempat: Taman Eko Rimba Sg Bantang, Bekok Labis









Pameran Jabatan Perhutanan Negeri Johor
Tarikh: 8-9 Jun 2024
Tempat: Bukit Fraser, Pahang









Program Trans QJM Gunung Pulai Ultra 2024
Tarikh: 22 Jun 2024
Tempat: Taman Eko Rimba Gunung Pulai, Kulai












Lawatan Ilmiah Jabatan Perhutanan Negeri
Ke Kuching, Sarawak
Tarikh:23- 26 Jun 2024
Tempat: Kuching, Sarawak


















Majlis APC 2023 Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Apresiasi Pesara Jabatan Perhutanan Negeri Johor
Tarikh: 2 Julai 2024
Tempat: Johor Bahru







Pameran Festival Dinamika Hijau Pasir Gudang Tahun 2024 Dan Tahun Melawat Pasir Gudang Tahun 2025
Tarikh: 25 Julai 2024
Tempat: Laman Kraf, Taman Bukit Layang-Layang, Pasir Gudang











Program Johor Bersih @ Sg Skudai Taman Impian Emas
Tarikh: 28 Julai 2024
Tempat: Sg Skudai Taman Impian Emas, Johor Bahru









Program CSR Penanaman Pokok Bakau Sempena Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa
Tarikh: 28 Julai 2024
Tempat: Hutan Simpan Gunung Pulai, Kulai










Operasi Semakan Permit Memasuki Hutan Simpan Kekal
Tarikh: 27-28 Julai 2024
Tempat: Hutan Simpan Gunung Panti, Kota Tinggi









Lawatan Kerja Pegawai Daerah Mersing Ke Hutan Taman Negeri
Dan Taman Eko Rimba
(TER) Gunung Arong Serta TER Teluk Arong
Tarikh: 3 Ogos 2024
Tempat: Mersing









Lawatan Kerja Menteri Sumber Asli Dan Kelestarian Alam (NRES)
Ke Kluang Tambahan Bagi Projek Karbon Hutan Negeri Johor
Tarikh: 16 Ogos 2024
Tempat: Hutan Simpan Kluang Tambahan, Bandar Tenggara,
Kota Tinggi









Program Kibaran 67 Jalur Gemilang Peringkat Daerah Mersing
Tempat: Hutan Taman Negeri Gunung Arong Mersing
Tarikh: 18 Ogos 2024
Tempat: Hutan Taman Negeri, Gunung Arong














Johor Merdeka Hike (JMH 2024)
Tarikh: 31 Ogos 2024
Tempat: Gunung Bekok, Gunung Maokil, Gunung Belumut, Gunung Panti Barat, Gunung Muntahak Dan Gunung Arong.












Sambutan Hari Kebangsaan 2024
Tarikh: 31 Ogos 2024
Tempat: Segamat







Majlis Pelepasan Peserta (Flag-Off) Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan, Hutan Simpan Gunung Arong, Mersing
Tarikh: 17 September 2024
Tempat: Hutan Simpan Gunung Arong, Mersing









Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan,
Hutan Simpan Gunung Arong, Mersing
Tarikh: 17-20 September 2024
Tempat: Gunung Arong, Mersing



Majlis Perasmian Penutupan Ekspedisi Saintifik
Kepelbagaian Biologi Hutan, Hutan Gunung Arong, Mersing
Tarikh: 21 September 2024
Tempat: Hutan Simpan Gunung Arong, Mersing





Program World Cleanup (WCD)
Peringkat Negeri Johor Tahun 2024
Tarikh: 29 September 2024
Tempat: Taman Eko Rimba (TER) Gunung Pulai 1, Kulai







Program Minggu Sambutan Hari Sungai Sedunia 2024
Tarikh: 29 September 2024
Tempat: Denai Sungai Skudai, Taman Impian Emas, Johor









Penyertaan Pasukan Suaka Burung Panti
Di Dalam Angsi Bird Race 2024
Tarikh: 28-29 September 2024
Tempat: Taman Eko Rimba Ulu Bendul, Negeri Sembilan.











Program Lestari Alam
Tarikh: 1 Oktober 2023
Tempat: Sekolah Pengkalan Tereh, Kluang











Program Legasi Integriti Khazanah Alam (LeIKA)
Tarikh: 09 Oktober 2024
Tempat: Taman Eko Rimba (TER) Gunung Belumut, Kluang










Program Penyerahan Dana Antarabangsa Dan Pelancaran Projek Kerjasama Living Lab Hutan Taman Negeri Ayer Hitam Utara Bersama Sealife-Legoland
Tarikh: 13 Oktober 2024
Tempat: Hutan Taman Negeri Ayer Hitam Utara, Muar













Program Pembersihan Pantai Dan Penghijauan Malaysia
Bersama Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Di Taman Eko Rimba Teluk Arong, Mersing
Tarikh: 18 Oktober 2024
Tempat: Taman Eko Rimba Teluk Arong, Mersing













Bengkel Pengukuhan Dan Penyelarasan Prosedur-Prosedur Operasi Hutan JPNJ
Tarikh: 18 Oktober 2024
Tempat: Taman Eko Rimba Teluk Arong, Mersing













Seed To Tree Siri 4
Tarikh: 29 Oktober 2024
Tempat: Taman Eko Rimba Gunung Belumut, Kluang



Penyertaan Pasukan Suaka Burung Panti
Di Dalam Borneo Bird Festival
Tarikh: 26-27 Oktober 2024
Tempat: Rainforest Discovery Centre, Sepilok, Sabah












Kursus Pengendalian Dan Pembiakan Periuk Kera
Tarikh: 11-12 November 2024
Tempat: Kompleks Penghul Mukim Ayer Hitam, Muar













Lawatan Mesyuarat Pegawai-Pegawai Hutan Daerah
Semenanjung Malaysia Kali Ke-11
Ke Suaka Burung Panti, Kota Tinggi
Tarikh: 12 November 2024
Tempat: Suaka Burung Panti, Kota Tinggi















Lawatan Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa
Kesihatan Dan Alam Sekitar
Tarikh: 12 November 2024
Tempat: Suaka Burung Panti, Kota Tinggi



Operasi Mencari Dan Menyelamat (SAR) Orang Sesat Di Hutan Sinpan Gunung Pulai Dan Tindakan Penguatkuasaan Pencerobohan Hutan Simpanan Kekal
Tarikh: 16 November 2024
Tempat: Hutan Simpan Gunung Pulai, Kulai







Program Karnival Gunung Arong Challenge 2024 (GAC 2024)
Tarikh: 23 November 2024
Tempat: Hutan Simpan Gunung Arong

















PENERBITAN

Firman Allah SWT dalam surah Ar-Rad ayat 11 yang bermaksud:

"Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah nasib suatu kaum kecuali kaum itu sendiri yang mengubah apa apa yang pada diri mereka."






Tarikh diterbitkan : Julai 2024

Editor: Dato' Haji Salim bin Aman

Buku Kembara Hutan diterbitkan dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UTM) bertujuan untuk mendedahkan informasi asas berkenaan aktiviti pendakian yang diselia dibawah Jabatan Perhutanan Negeri Johor. Buku ini mensasarkan kumpulan umur pelajar sekolah sebagai salah satu usaha menarik minat generasi muda terhadap alam sekitar. Dicadangkan untuk digunakan sebagai edaran promosi semasa program bersama sekolah-sekolah dan kem cinta alam.

Sinopsis:
Mengisahkan tentang 3 sahabat pelajar sekolah menengah yang berminat tentang aktiviti pendakian setelah mempelajari berkenaan aktiviti mendaki gunung di dalam kelas. Seterusnya, 3 sahabat ini membuat carian cara untuk melakukan aktiviti pendakian di TER Gunung Belumut berkenaan pembayaran dan keperluan serta persiapan sebelum aktiviti dijalankan. Buku ini juga menceritakan pengalaman kembara pendakian oleh 3 sahabat ini daripada kaki gunung sehingga ke puncak gunung dan bermalam yang diiringi oleh seorang pengawas hutan yang juga mendedahkan maklumat asas tentang hutan. Buku ini berakhir apabila 3 sahabat ini sampai semula ke kaki gunung dengan beberapa nilai-nilai murni yang boleh diamalkan dan maklumat maklumat asas pendakian yang boleh dirujuk jika ingin menjalankan aktiviti pendakian.




Tarikh diterbitkan : Jun 2024

Editor: Dr. Mohd Norfaizal Ghazalli, Dr. Edward Entalai Besi, Dato' Haji Salim bin Aman, Encik Abd. Ramlizauyahuddin bin Mahli, Puan Siti Noratikah binti Mustafa dan Prof. Dr. Abd Latiff

Buku Nephentes of Ayer Hitam Utara Forest Reserved telah disediakan dengan kerjasama diantara Jabatan Perhutanan Negeri Johor, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) di bawah pembiayaan Tabung Amanah Konservasi Sumber Asli Nasional (NCTF), Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES). Tujuan buku ini disediakan adalah sebagai rujukan bagi spesis Nephentes yang terdapat di Hutan Simpan Ayer Hitam Utara, Muar Johor khususnya untuk membantu dalam pemeliharaan dan pemuliharaan yang lebih Lestari.

Sinopsis:

Malaysia telah diiktiraf sebagai salah satu negara megakepelbagaian biologi dunia yang kini mempunyai kira-kira 9% daripada tumbuhan berbunga dunia. Iklim tropika yang lembab dan suhu panas sepanjang tahun dan hujan menjadikan kawasan tropika ibarat syurga bagi sejumlah besar flora dan fauna. Sumber genetik yang ada telah, sedang dan akan digunakan dalam pembaikan tanaman, sebagai makanan, dalam farmaseutik dan industri pertanian seperti dalam industri tumbuhan hiasan dan landskap. Terdapat banyak spesies tumbuhan yang mempunyai nilai potensi tetapi pada masa ini kurang digunakan. Buku panduan ini menyediakan pelbagai maklumat termasuk variasi fotografi spesies tumbuhan karnivor yang menakjubkan - Nepenthes (Nepenthaceae) yang terdapat dan tumbuh subur di Hutan Simpan Ayer Hitam Utara, Muar, Johor. Kesemua empat spesies dengan empat hibrid semula jadi telah direkodkan dan dikaji secara menyeluruh dari hutan simpan ini. Huraian, nama saintifik, ciri morfologi juga telah diberikan secara ringkas untuk membantu pengecaman. Buku panduan ini juga memberikan pengenalan terperinci mengenai Nepenthes dan maklumat saintifik untuk panduan umum.



Tarikh diterbitkan : 27 Jun 2024

Editor: Jawatankuasa Pembangunan Pelan Antirasuah JPNJ

Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Jabatan Perhutanan Negeri Johor merupakan satu dokumen dasar antirasuah yang bertujuan untuk menangani permasalahan dan kelemahan governans, integriti dan antirasuah dalam jabatan. Pelan ini dibangunkan selari dengan Pelan Antirasuah Kerajaan Johor (JACP) 2021-2025 dan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia 2020-2024. Pembangunan OACP ini merupakan salah satu inisiatif mandatori di bawah: Strategi 2: Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Awam " di dalam NACP. Pelan ini memberi panduan secara jelas kepada semua warga JPNJ tentang keperluan, peranan, dan tanggungjawab masing-masingdalam memastikan agenda pencegahan rasuah dilaksanakan dengan sempurna.

LAMPIRAN

"Kalau hidup hanya sekadar hidup, kera di rimba juga hidup.
Kalau kerja hanya sekadar kerja, kerbau di sawah juga kerja."

– Buya Hamka



JADUAL 1: TANAH BERHUTAN DAN TIDAK BERHUTAN (HEKTAR)

KELUASAN NEGERI	HUTAN SIMPANAN KEKAL (HSK)		HUTAN TAMAN HIDUPAN LIAR				[3] HUTAN TAMAN NEGERI		HUTAN TANAH KERAJAAN	LAIN-LAIN REZAB BERHUTAN	JUMLAH BESAR KELUASAN			
	DIWARTA	CADANGAN	[1] RIZAB HIDUPAN LIAR		[2] TAMAN NEGARA						BERHUTAN	%	TIDAK BERHUTAN	%
			LUAR HSK	DALAM HSK	LUAR HSK	DALAM HSK	LUAR HSK	DALAM HSK						
(HA)	(HA)	(HA)	(HA)	(HA)	(HA)	(HA)	(HA)	(HA)	(HA)	(HA)	(HA)	%	(HA)	%
(A)	(B)	(C)	(D)	(E)	(F)	(G)	(H)	(I)	(J)	(K)	(L)=((B)+(C)+(D)+(F)+(H)+(J)+(K))		(M)=(A)-(L)	
1,908,811.57	334490.54	73,149.41	-	111,454.00	-	-	360.19	12,372.05	29,375.00	4,884.00	442,256.14	23	1,466,552.43	77

Nota:
[1] Rizab Hidupan Liar adalah rizab di bawah penyeliaan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) / Jabatan Perhutanan Negeri
[2] Taman Negara adalah di bawah penyeliaan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN)
[3] Taman Negeri adalah di bawah penyeliaan Perbadanan Taman Negeri (Contoh: Taman Negeri Royal Belum) / Jabatan Perhutanan Negeri
* pelaporan menggunakan data digital

JADUAL 2: KELUASAN KAWASAN HUTAN MENGIKUT JENIS HUTAN

HUTAN ASLI								[1] LADANG HUTAN		JUMLAH	
HUTAN DARAT		HUTAN PAYA GAMBUT		HUTAN PAYA LAUT		JUMLAH					
HSK	CHSK	HSK	CHSK	HSK	CHSK	HSK	CHSK	HSK	CHSK	HSK	CHSK
(HA)		(HA)		(HA)		(HA)		(HA)		(HA)	
(A)	(B)	(C)	(D)	(E)	(F)	(G)=(A)+(C)+(E)	(H)=(B)+(D)+(F)	(I)	(J)	(K)=(G)+(I)	(L)=(H)+(J)
282,270.20	56,972.53	3,796.04	1,139.58	18,076.30	13,561.00	304,654.76	71,673.11	30,348.00	1,476.30	334,490.54	73,149.41

Nota:
[1] Mulai tahun 2018, pelaporan keluasan ladang hutan berdasarkan Keluasan Ladang Hutan Yang Telah Ditanam
HSK : Hutan Simpanan Kekal
CHSK : Cadangan Hutan Simpanan Kekal

JADUAL 3: MAKLUMAT HUTAN SIMPANAN KEKAL (HEKTAR)

BIL.	NAMA HUTAN SIMPANAN KEKAL	KELUASAN MENGIKUT JENIS HUTAN (HA)				JUMLAH DIWARTA (HA)
		HUTAN DARAT	HUTAN PAYA GAMBUT	HUTAN PAYA LAUT	[1]LADANG HUTAN	
1	Air Hitam Utara	-	3,795.84	-	-	3,795.84
2	Air Hitam Utara Tambahan	413.32	0.20	-	80.00	493.52
3	Banang	883.77	-	-	-	883.77
4	Belungkor	-	-	742.34	-	742.34
5	Benut	-	-	61.33	-	61.33
6	Bukit Bindu	165.92	-	-	-	165.92
7	Bukit Hantu	764.41	-	-	-	764.41
8	Bukit Inas	805.34	-	-	-	805.34
9	Bukit Payong	259.00	-	-	-	259.00
10	Gemereh	52.36	-	-	258.67	311.03
11	Gunung Arong	19,966.04	-	-	-	19,966.04
12	Gunung Arong Tambahan	775.25	-	-	-	775.25
13	Gunung Arong Tambahan 2	399.00	-	-	-	399.00
14	Gunung Arong Tambahan 3	3,258.00	-	-	-	3,258.00
15	Gunung Ledang	8,574.68	-	-	-	8,574.68
16	Gunung Pulai	3,672.56	-	-	-	3,672.56
17	Jemaluang Tambahan	375.26	-	-	-	375.26
18	Jementah	356.84	-	-	-	356.84
19	Jementah Tambahan	122.90	-	-	-	122.90
20	Kluang	15,984.15	-	-	-	15,984.15
21	Kluang Tambahan	1,900.80	-	-	-	1,900.80
22	Kuala Sedili	-	-	433.02	-	433.02
23	Labis	78,530.33	-	-	-	78,530.33
24	Labis Tambahan	3,061.11	-	-	809.39	3,870.50
25	Lenggor	31,050.99	-	-	-	31,050.99
26	Mersing	24,050.98	-	-	-	24,050.98
27	Mersing Tambahan	240.29	-	-	747.21	987.50
28	Maokil	27,858.23	-	-	-	28,370.45
29	Panti	13,152.13	-	-	-	13,152.13
30	Renggam	1,317.83	-	-	-	1,317.83
31	Sedenak	539.15	-	-	-	539.15
32	Seluyut	3,615.00	-	-	-	3,615.00
33	Semberong Tambahan	4,055.82	-	-	578.74	4,634.56
34	Sermin	50.97	-	-	3,205.52	3,256.49
35	Soga	1,020.34	-	-	-	1,020.34
36	Sungai Johor	-	-	3,025.52	-	3,025.52
37	Sungai Lebam	-	-	2,265.50	-	2,265.50
38	Sungai Pulai	-	-	8,046.00	-	8,046.00
39	Sungai Santi	-	-	3,336.09	-	3,336.09
40	Sungai Segamat	650.38	-	-	651.56	1,301.94
41	Ulu Sedili	24,951.00	-	-	-	24,951.00
42	Ulu Sedili Tambahan	8,517.18	-	-	24,016.91	32,534.09
43	Sungai Kemudi Dan Sungai Bahan	-	-	155.80	-	155.80
44	Pantai	40.47	-	-	-	40.47
45	Pendas	-	-	10.70	-	10.70
46	Tenggaroh (Gantian)	440.30	-	-	-	440.30
47	Pogoh (Tambahan)	367.65	-	-	-	367.65
48	Maokil Tambahan	30.45	-	-	-	30.45
JUMLAH KESELURUHAN KELUASAN (HA)		282,270.20	3,796.04	18,076.30	30,348.00	334,490.54

Nota:

[1]Pelaporan keluasan ladang hutan berdasarkan Keluasan Ladang Hutan Yang Ditanam

JADUAL 4: MAKLUMAT CADANGAN HUTAN SIMPANAN KEKAL (HEKTAR)

BIL.	NAMA HUTAN SIMPANAN KEKAL	KELUASAN MENGIKUT JENIS HUTAN (HA)				JUMLAH DIWARTA (HA)
		HUTAN DARAT	HUTAN PAYA GAMBUT	HUTAN PAYA LAUT	[1]LADANG HUTAN	
1	Labis Tambahan	262	-	-	-	262
2	Chemplak	485.6	-	-	-	485.6
3	Maokil (Tambahan)	4.38	-	-	36.47	40.85
4	Labis Tambahan	303.52	-	-	-	303.52
5	Labis Tambahan	3.24	-	-	320.51	323.75
6	Labis Tambahan	339.13	-	-	-	339.13
7	Pungai	865.24	-	-	-	865.24
8	Ulu Sedili (Tambahan)	1,546.34	-	-	-	1,546.34
9	Pantai Timur	2,214.00	-	-	-	2,214.00
10	Sedili Kecil	810	-	-	-	810
11	Labis Tambahan	64.38	-	-	1,119.32	1,183.70
12	Ulu Sedili (Tambahan)	809	-	-	-	809
13	Sungai Mawar	60.7	-	-	-	60.7
14	Sungai Berasau	300	-	-	-	300
15	Endau Rompin	48,905.00	-	-	-	48,905.00
16	Bukit Buluh	-	-	-	-	-
17	Sungai Kesang- Parit Bakar	-	-	780	-	780
18	Parit Bakar - Sg. Bagan Benut	-	-	5,931.00	-	5,931.00
19	Sg. Bagan Benut - Tanjung Piai	-	-	4,161.00	-	4,161.00
20	Sg. Melayu - Sg. Perepat	-	-	240	-	240
21	Sg. Sebana - Sg. Johor	-	-	356	-	356
22	Kuala Endau	-	-	209	-	209
23	Pulau Kukup	-	-	1,884.00	-	1,884.00
24	Air Hitam	-	718.3	-	-	718.3
25	Jorak	-	421.28	-	-	421.28
JUMLAH KESELURUHAN KELUASAN (HA)		282,270.20	56,972.53	13,561.00	1,476.30	73,149.41

Nota:

[1]Pelaporan keluasan ladang hutan berdasarkan Keluasan Ladang Hutan Yang Ditanam

JADUAL 5: MAKLUMAT PENGUSAHASILAN HUTAN (HEKTAR)

DAERAH HUTAN	HUTAN SIMPANAN KEKAL					TANAH KERAJAAN (f)	TANAH MILIK (g)	JUMLAH BESAR (h) = e+g+h
	DI BAWAH *CTT (a)	TUJUAN PEMBANGUNAN (b)	LADANG HUTAN (c)	LAIN-LAIN (d)	DI BAWAH *CTT (e) = a+b+c+d			
JOHOR UTARA	0	0	0	0	0	0	429.23	429.23
JOHOR TIMUR	0	0	0	0	0	0	772.37	772.37
JOHOR TENGAH	0	0	0	0	0	0	0	0
JOHOR SELATAN	**80.11	0	0	0	80.11	0	26.34	106.45
JUMLAH	80.11	0	0	0	80.11	0	1,227.94	1,308.05

Nota:

*CTT: Catuan Tebangan Tahunan Diluluskan bagi RMK-12 bagi tempoh 2121 hingga 2025 adalah 2,600 hektar setahun

**Pengusahasilan di Hutan Paya Laut

JADUAL 6: PENGELUARAN INDUSTRI BERASASKAN KAYU TERPILIH (M^3)

DAERAH HUTAN	ISIPADU PENGELUARAN INDUSTRI BERASAS KAYU (M^3)				JUMLAH
	KILANG PAPAN KAYU GERGAJI	PAPAN LAPIS	VENIR	KILANG KAYU KUMAI	
JOHOR UTARA	36,271.78	0.00	0.00	3,900.60	**40,172.38**
JOHOR TIMUR	2,187.90	0.00	0.00	0.00	**2,187.90**
JOHOR TENGAH	21,700.00	0.00	836.41	0.00	**22,536.41**
JOHOR SELATAN	13,920.00	2,583.90	0.00	0.00	**16,503.90**
JUMLAH	**74,079.69**	**2,583.90**	**836.41**	**3,900.60**	**81,400.59**

JADUAL 7: MAKLUMAT GUNA TENAGA SEKTOR PERHUTANAN

DAERAH HUTAN	PEMBALAKAN			KILANG PAPAN			KILANG PAPAN LAPIS/VENIR			KILANG KAYU KUMAI			JUMLAH		
	BP	BBP & BW	JUMLAH	BP	BBP & BW	JUMLAH	BP	BBP & BW	JUMLAH	BP	BBP & BW	JUMLAH	BP	BBP & BW	JUMLAH
JOHOR UTARA	11	4	15	139	361	500	0	0	0	11	105	116	161	470	631
JOHOR TIMUR	18	10	28	29	9	38	0	0	0	0	0	0	47	19	66
JOHOR TENGAH	0	0	0	299	319	614	28	5	33	36	114	150	363	438	801
JOHOR SELATAN	8	21	29	129	114	243	38	14	52	0	0	0	175	149	324
JUMLAH	37	35	72	596	803	1,399	66	19	85	47	219	266	746	1,076	1,822

BP = Bumiputera BBP = Bukan Bumiputera BW = Bukan Warganegara
*Pengeluaran kayu hutan di atas tanah milik dan tanah Kerajaan sahaja

JADUAL 8: BILANGAN INDUSTRI BERASASKAN KAYU TERPILIH

BIL.	KATEGORI	BEROPERASI	TIDAK BEROPERASI	BILANGAN
1	Kilang Papan Kayu Gergaji	57	13	70
2	Kilang Papan Lapis/Venir	5	0	5
3	Kilang Kayu Kumai	7	0	7
4	Kilang Perabot	63	8	71
5	Kilang Kerja Kayu	75	18	93
6	Kilang Kotak Kayu / Pallet	51	26	77
7	Kilang Papan Serpai	4	0	4
8	Kilang Lantai Parket	1	0	1
9	Kilang Papan Wafer/Flake	0	1	1
10	Kilang Rotan	1	0	1
11	Loji Pengawetan Kayu	2	0	2
12	Tanur Arang	8	5	13
JUMLAH		274	71	345

JADUAL 9: KADAR ROYALTI KAYU BALAK BAGI NEGERI MENGIKUT KUMPULAN KAYU-KAYAN (RM/TON³)

KUMPULAN KAYU-KAYAN	HARGA PURATA TEMPATAN (RM/TON³)
KUMPULAN KAYU BERAT	
Balau	44.00
Balau Merah	44.00
Bitis	44.00
Chengal	147.00
Giam	89.00
Kekatong	12.00
Keranji	34.00
Merbau	89.00
Penaga	12.00
Resak	42.00
Tembusu	15.00
Tempinis	12.00
Lain-Lain	12.00
KUMPULAN KAYU SEDERHANA	
Jati	89.00
Kapur	38.00
Kasai	51.00
Kelat	25.00
Keladan	38.00
Keledang	12.00
Kempas	25.00
Keruing	42.00
Kulim	37.00
Mata Ulat	25.00
Mengkulang	40.00
Merpauh	68.00
Punah	42.00
Rengas	41.00
Simpoh	12.00
Tualang	12.00
Lain-Lain	12.00
KUMPULAN KAYU RINGAN	
Akasia	8.00
Batai	12.00
Bintangor	15.00


SIDANG
REDAKSI

SIDANG REDAKSI BUKU LAPORAN TAHUNAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR TAHUN 2024

PENASIHAT



Encik Mohd Shahrir Azrin
Bin Salleh
Timbalan Pengarah
Perhutanan
(Pembangunan)

PENGERUSI



Encik Mohd Izani
Bin Abdullah
Timbalan Pengarah
Perhutanan (Operasi)

EDITOR



Encik Mohd Fariz
bin Abd Rhani
Penolong Pengarah
(Seksyen Perancangan
dan Pengurusan)

PENOLONG EDITOR



Puan Nurul Izati
binti Wagimin
Penolong Pemelihara
Hutan
Seksyen Perancangan
dan Pengurusan)

AHLI-AHLI



Encik Mohd Saiful
bin Zainal
Seksyen
Perancangan dan
Pengurusan



Puan Norliza
binti Md
Seksyen
Silvikultur Dan
Perlindungan



Puan Asfaezzah
binti Ab Karim
Seksyen
Hutan Lipur &
Hutan Taman Negeri



Puan Noor Ain
binti Abd Karim
Seksyen
Perindustrian dan
Pengusahasilan



Encik Sylvester
Usah
Seksyen
Risikan &
Penguatkuasaan



Encik Mohd Fouzi
bin Abd Hamid
Seksyen
Penguatkuasaan
& Siasatan



Puan Norfazilawati
binti Jauhari
Unit
Modal Insan



Encik Mohammad Sapri
bin Mansor
Seksyen
Pentadbiran dan HRMIS



Encik Mishazli Bin
Abdul Rahim
Seksyen
Kewangan



Encik Hairul Azuan
bin Mohamad
Seksyen
Kejuruteraan



Encik Arifhadi
bin Johari Affandi
Pejabat Hutan
Daerah Johor Tengah



Encik Mohd Reydzuan
bin Yong
Pejabat Hutan Daerah
Johor Timur



Encik Ahmad Meisery
bin Abd Hakim Amir
Pejabat Hutan
Daerah Johor Selatan



Encik Haridyn
bin Hanti
Pejabat Hutan
Daerah Johor Utara

“Kita sedang meniti dan melalui satu era yang penuh dengan ruang dan peluang yang tidak boleh tidak, mesti direbut - ruang dan peluang yang bakal merubah landskap ekonomi negeri dan kehidupan rakyat pada skala yang tidak pernah kita saksikan. The stars have finally aligned in Johors favour. Pucuk pimpinan negara melihat Johor sebagai ‘The Next Engine of Growth for The Country’. Justeru, marilah kita menjemur sementara hari masih panas, kerana adat periuk berkerak, adat lesung berdedak.”

- YAB Menteri Besar Johor



JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR

LAPORAN TAHUNAN 2024

JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR

Tingkat 2, Bangunan Dato' Mohamad Ibrahim Munsyi,
Kota Iskandar, 79660 Nusajaya, Johor Darul Ta'zim
Telefon : 07-266 7433 Faksimili : 07- 266 1288

